

15 Januari 2009 (Khamis)

Sentral: RM88j naik taraf sistem pengangkutan Putrajaya

Oleh Haika Khazi mfaizul@bharian.com.my

PPj tingkat kemudahan asas selepas projek monorel ditolak

PUTRAJAYA: Perbadanan Putrajaya (PPj) memperuntukkan kira-kira RM88 juta bagi menaik taraf pelbagai kemudahan asas termasuk perkhidmatan bas, tempat letak kereta dalam usaha mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini, sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Presiden PPj, Tan Sri Samsudin Osman, berkata langkah terbabit perlu dilakukan selepas kerajaan menolak permohonan perbadanan untuk meneruskan projek pembinaan sistem monorel yang dirancang pada 2004. Berikutan itu, Samsudin berkata, PPj akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan itu untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam di Putrajaya.

"Kita akan menggunakan RM70 juta daripada peruntukan terbabit untuk membeli sekurang-kurangnya 100 bas baru untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan operasi bas Nadiputra di Putrajaya, manakala selebihnya adalah untuk 'Park & Ride' baru di Presint 14." Kita berharap pertambahan bas itu akan membolehkan orang ramai menikmati perkhidmatan lebih baik dan selesa selain memendekkan tempoh menunggu daripada 30 minit kepada antara 10 hingga 15 minit yang akan menggalakkan kakitangan kerajaan menggunakan pengangkutan awam," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, semalam.

Projek pembinaan sistem monorel bernilai RM400 juta, menghubungkan kawasan perumahan dan pejabat di pusat pentadbiran negara itu adalah antara projek besar yang diumumkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada 8 Jun 2004. Bagaimanapun, projek berharga lebih RM400 itu terpaksa ditangguhkan sejak lima tahun lalu berikutan peningkatan kos dan kekangan kewangan kerajaan.

Mengulas lanjut, sebagai langkah tambahan menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam di Putrajaya, PPj juga akan menguatkuasakan sistem tempat letak kenderaan berbayar di kebanyakan kompleks pejabat kerajaan. Samsudin berkata, pendekatan berkenaan juga mampu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas dan kekurangan tempat letak kereta di sekitar pejabat kerajaan di Kompleks B, C, D dan E.

15 Januari 2009 (Khamis)

Utara: MBI diminta beri laporan terperinci

Oleh Nurhayati Abllah bhnews@bharian.com.my



PIHAK berkuasa menggunakan jentolak untuk membersihkan bongkah batu bagi mencari pegawai kelematan yang dikatakan tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Tokong Gua Perak, kelmarin.

Perak kaji pembinaan tokong, kuil elak tragedi tanah runtuh berulang

IPOH: Kerajaan negeri akan meminta laporan terperinci daripada pihak bertanggungjawab termasuk Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) berhubung pembinaan kuil dan tokong dalam gua di negeri ini bagi mengelak kejadian tanah runtuh berulang. Ia berikutan, hampir keseluruhan pembinaan tokong dan kuil itu dikesan tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa dan didirikan tanpa mengetahui sama ada struktur binaannya selamat digunakan atau sebaliknya.

Perkara itu didedahkan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Keluarga, Alam Sekitar dan Sumber Manusia negeri, A Sivanesan yang menerima laporan awal daripada pelbagai pihak yang menyatakan hampir semua pembinaan tokong dan kuil dalam gua di negeri ini dibina secara haram. "Saya dimaklumkan berhubung hal itu dan kerajaan negeri akan meminta pihak bertanggungjawab termasuk MBI menghantar laporan terperinci secepat mungkin. "Kerajaan negeri juga akan membentuk satu jawatankuasa khas bagi mengkaji keselamatan tokong dan kuil di Perak bagi mengenal pasti tahap keselamatan bangunan mereka," katanya selepas meninjau kejadian tanah runtuh di Tokong Gua Perak di Jalan Kuala Kangsar di sini, kelmarin.

Seorang pengawal keselamatan dikenali sebagai Yip Lum Choon, 55, yang baru bertugas 10 hari di rumah ibadat dipercayai mati tertimbus di bawah runtuhannya bongkah batu kapur itu, tetapi pagi semalam mayatnya belum ditemui. Dalam kejadian jam 3.15 petang Ahad lalu, 18 pengunjung tokong itu termasuk dua daripada mereka cedera parah dan patah kaki apabila satu runtuhannya batu berlaku di tengah gua menyebabkan laluan ke atas bukit yang menempatkan empat lagi tokong kecil terputus.

Sivanesan berkata, pihaknya sedang menunggu laporan daripada semua agensi berkaitan termasuk pengurusan tokong, agensi penyelamat dan Jabatan Geosains dan Mineral berkaitan punca kejadian dan tahap keselamatan tokong itu. "Kita akan mengeluarkan arahan meminta

pengurusan tokong dan kuil di dalam gua di negeri ini menutup atau memindahkan kawasan beribadat mereka ke tempat lain jika tempat ibadat sedia ada berisiko. "Mulai hari ini juga, kerajaan negeri juga tidak akan menerima atau meluluskan sebarang permohonan membabitkan pembinaan tokong atau kuil jika kawasan itu belum dikenal pasti tahap keselamatannya," katanya.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian ke tempat kejadian semalam, mendapati operasi mencari seorang lagi mangsa tertimbus masih dijalankan dan sehingga awal pagi semalam mangsa belum ditemui walaupun kerja meletupkan batu di dalam gua bagi memudahkan pencarian sudah dilakukan bermula jam 2 petang kelmarin. Hampir 100 anggota dan petugas keselamatan termasuk bomba, polis, Majlis Keselamatan Negara dan anggota Smart yang ditugaskan bergilir-gilir melakukan gerakan mencari mangsa terperangkap.

15 Januari 2009 (Khamis)

Sentral: Keselamatan jalan raya masih lemah

Oleh Hussain Said bhnews@bharian.com.my

Spesifikasi tak ikut piawaian boleh ancam pelajar

NILAI: Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) mendapati sebahagian besar kemudahan berkaitan keselamatan jalan raya di sekolah negeri ini tidak memuaskan, manakala spesifikasi tidak memenuhi piawaian ditetapkan hingga boleh mengancam nyawa pelajar.

Pengarah JKJR negeri, Mohd Rusdi Ismail, berkata antara kemudahan keselamatan yang perlu diberi perhatian ialah kekurangan bonggol dan lintasan Zebra yang bertujuan memastikan pelajar melintas jalan dengan selamat. Katanya, papan tanda amaran supaya pelajar melintas jalan di laluan ditetapkan perlu diperbanyakkan, terutama di sekolah yang berdekatan jalan raya sibuk, manakala pembinaan jejantas adalah penyelesaian terbaik kerana mengelakkan pertembungan antara pelajar dan kenderaan. "Kita mendapati kemudahan dan peringatan berkaitan aspek keselamatan jalan raya memang disediakan, tetapi tidak memuaskan dan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Oleh itu, kita berharap jabatan dan agensi berkaitan memberi perhatian mengenai perkara ini. JKJR negeri sedia membantu, terutama bagi memastikan kemudahan dan peringatan yang disediakan memenuhi spesifikasi ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sudut Keceriaan dan Keselamatan Jalan Raya di Sekolah Kebangsaan Cina (SKC) Kuo Min, di sini. Sudut itu diwujudkan dengan kerjasama ICI Paints (M) Sdn Bhd. Hadir sama Pengarah Urusan ICI Paints (M) Sdn Bhd, Goh Cheok Weng. Sudut itu adalah antara program tanggungjawab khidmat sosial

yang dijalankan syarikat yang terkenal dengan jenama cat Dulux, bertujuan meningkatkan pendidikan dan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya kepada pelajar sekolah.

Mohd Rusdi berkata, JKJR juga mengalu-alukan kerjasama syarikat korporat menjayakan kempen keselamatan jalan raya dan ini adalah antara sembilan strategi yang terkandung dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2006-2010. "Berdasarkan pengalaman negara maju, peranan dan sumbangan sektor swasta dalam menangani isu keselamatan jalan raya adalah amat penting dan tanggungjawab mengurangkan kadar kemalangan perlu dipikul bersama oleh kerajaan dan swasta. "Usaha ICI Paints (M) Sdn Bhd menganjurkan program ini tepat pada masanya bagi membantu kerajaan mengurangkan kemalangan ke tahap minimum dengan meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar sekolah," katanya.

15 Januari 2009 (Khamis)

Timur: Penggunaan tong baru dorong harga ikan naik

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad krull@bharian.com.my

Peraturan LKIM bebaskan pengguna, pengusaha

KOTA BHARU: Harga ikan dijangka meningkat sekali ganda, berikutan tindakan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mewajibkan pemborong ikan menggunakan tong insulasi yang berharga lebih tinggi berbanding tong lama mulai hari ini. Pengerusi Persatuan Pemborong dan Penjual Ikan Kota Bharu, Ahmad Tarmizi Mamat, mendakwa berkuat kuasa 15 Januari ini, semua pengusaha ikan sama ada nelayan, pemborong atau penjual diwajibkan menggunakan tong baru itu yang harganya hampir tiga atau empat kali ganda lebih mahal berbanding tong yang digunakan sekarang. Katanya, tong baru itu berharga RM120 seunit, sedangkan tong plastik lama hanya RM33 seunit, sedangkan tong berkenaan juga diperkenalkan LKIM lebih 20 tahun lalu kepada mereka yang terbabit dalam industri perikanan.

"Memandangkan tong baru itu berharga tiga kali ganda lebih tinggi berbanding tong yang digunakan sekarang, adalah tidak mustahil pengguna akan berdepan harga ikan yang lebih tinggi dalam masa terdekat nanti berbanding sekarang," katanya kepada media di sini, kelmarin.

Ahmad Tarmizi berkata, alasan yang diberikan LKIM ialah tong baru yang diperkenalkan itu lebih selamat dengan menyediakan cip di dalamnya bagi membolehkan pengesanan pengusaha yang menggunakan tong berkenaan. Katanya, walau apa alasannya, keadaan ekonomi yang semakin lemah sekarang memberi kesan besar kepada lebih 400 ahli persatuan itu di bandar ini, dan tindakan mewajibkan penggunaan tong baru sudah tentu akan menjejaskan pendapatan mereka selain memberi kesan terhadap pengguna nanti.

"Bagi mengatasi masalah ini, kami akan menghantar satu memorandum kepada pihak terbabit termasuk Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed serta LKIM," katanya.

Beliau berkata, tong plastik lama lebih berkesan kerana mampu menampung hasil tangkapan banyak terutama ikan besar berbanding tong baru yang lebih kecil, yang akan merosakkan ikan besar nanti. "Selain itu, tong lama didapati lebih selamat kerana mempunyai tapak yang stabil yang memantapkan kedudukan tong dalam bot ketika laut bergelora, sedangkan tong baru, tapaknya licin dan ini mendedahkan penggunaanya kepada bahaya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Kelantan, Ab Llah Rashid, berkata pengenalan tong insulasi itu akan dilakukan di seluruh negara dan nelayan disarankan menggunakannya mulai Khamis ini. "Mengenai harga tong berkenaan, saya tidak ingin membuat kenyataan mengenainya. Nelayan diharap menyambut baik kemudahan yang disediakan LKIM itu," katanya.

15 Januari 2009 (Khamis)

Sabah&Sarawak: LKIM perjas skim dana, geran insentif nelayan

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah bhnews@bharian.com.my

Ada enggan bayar pinjaman kerana anggap bantuan percuma

PAPAR: Ramai nelayan tradisi di Sabah keliru mengenai pemberian skim dana nelayan dan geran insentif nelayan dengan menganggap kedua-dua bantuan daripada kerajaan itu diberi secara percuma.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Abdul Rahim Ismail, berkata kekeliruan itu menyebabkan ramai nelayan yang mendapat skim dana nelayan enggan membayar semula pinjaman. Katanya, skim dana nelayan diberikan kerajaan dalam bentuk pinjaman manakala geran insentif nelayan diberikan percuma kepada golongan nelayan miskin untuk meringankan beban membeli peralatan menangkap ikan.

"Ada penerima skim dana nelayan enggan membayar semula pinjaman kerana menyangka bantuan itu sama seperti geran insentif nelayan yang diberikan percuma oleh kerajaan. "Mereka mempersoalkan kewajaran membayar semula sedangkan nelayan lain tidak diminta berbuat demikian. Ramai yang keliru mengenai kedua-dua jenis bantuan ini," katanya pada Majlis Bersama Nelayan anjuran bersama LKIM dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Papar di sini, kelmarin.

Hadir sama Pengarah LKIM Sabah, Jamaludin Othman; Pengerusi PNK Papar, Abu Bakar Jamil dan Pengurus PNK Papar, Ahmad Kamal Zakaria. Kira-kira 200 nelayan tradisi sekitar Papar

menghadiri program sehari itu yang dipenuhi dengan aktiviti ceramah mengenai aktiviti perikanan dan nelayan daripada Jabatan Perikanan, Jabatan Laut, LKIM dan Petronas.

Abdul Rahim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Manis, berkata skim dana nelayan disediakan LKIM menerusi PNK untuk membantu nelayan membeli bot dan peralatan menangkap ikan. "Nelayan boleh meminjam sehingga RM25,000 dengan dikenakan kadar faedah dua peratus. Pinjaman perlu dibayar semula kepada PNK mengikut kadar yang ditetapkan. "Dana ini diwujudkan sebagai galakan kepada nelayan tradisi meningkatkan aktiviti penangkapan ikan daripada kecil-kecilan kepada komersial supaya pulangan yang diperolehi lebih besar. "LKIM menggalakkan mereka membuat pinjaman secara berkumpulan supaya jumlah pinjaman yang diperolehi lebih banyak dan mencukupi untuk membeli bot serta peralatan menangkap ikan yang lebih besar," katanya.

Beliau berkata, ramai nelayan tradisi di Sabah belum memohon kad nelayan dan ia menyebabkan mereka sukar mendapat bantuan kerajaan. Katanya, Sabah diperuntukkan 5,000 kad nelayan untuk diagihkan kepada nelayan tradisi tetapi sehingga kini kurang 4,000 yang memohon kad berkenaan di seluruh negeri. "Dengan kad ini, nelayan boleh menggunakannya untuk memohon bantuan seperti e-diesel dan e-petrol serta bantuan lain yang disediakan kerajaan untuk meningkatkan tahap sosio ekonomi golongan nelayan," katanya.

15 Januari 2009 (Khamis)

Dua kakitangan Tabung Haji digantung tugas

KOTA KINABALU: Dua kakitangan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) cawangan Sandakan, Sabah digantung tugas sejak lebih sebulan lalu kerana disyaki terbabit mengeluarkan wang pendeposit RM300,000 secara tidak sah. Sumber memberitahu Berita Harian, kehilangan wang itu hanya disedari pada musim haji, baru-baru ini apabila seorang pendeposit mendapati wang sebanyak RM7,000 dalam akaunnya lesap. "Pendeposit yang menunaikan ibadat haji pada musim lalu terkejut apabila mendapati baki dalam akaun simpanannya berkurangan.

"Apabila pemeriksaan dilakukan, Tabung Haji mengesan wang berkenaan dikeluarkan di pejabat cawangan Sandakan, sedangkan pemilik akaun berkenaan berada di Makkah ketika itu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Jurucakap Tabung Haji ketika dihubungi, mengesahkan tindakan dikenakan terhadap kedua-dua kakitangan di bahagian kaunter pengeluaran dan simpanan cawangan berkenaan bagi membantu siasatan. Menurut sumber itu lagi, Tabung Haji menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyiasat kejadian berkenaan bagi mengenal pasti dalang kegiatan berkenaan, selain merangka strategi untuk mengelak kejadian berulang di cawangan lain. "Setakat ini, Tabung Haji hanya menjalankan siasatan dalaman dan tidak membuat laporan polis berhubung kejadian itu," katanya.

15 Januari 2009 (Khamis)

Kampus tetap MEDIU di Malaysia siap 2013



DR BANDAR SALMAN (tiga dari kiri) mendengar penjelasan Rashid ketika melawat tapak kampus MEDIU di Cyberjaya, semalam.

CYBERJAYA: Kampus tetap sebuah lagi universiti Islam di negara ini, Universiti Antarabangsa al-Madinah (MEDIU), di sini dijangka siap dalam tempoh empat tahun dengan pengambilan pertama seramai 5,000 pelajar. Kampus itu yang dibina di atas tapak seluas 400 hektar bakal menjadi hab pendidikan dunia yang akan menyaksikan kemasukan lebih ramai pelajar antarabangsa ke negara ini.

Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik MEDIU, Prof Dr Ashraf Mohd Hashim, berkata lawatan Penasihat Raja Abdullah Abdul Aziz Al Saud, Putera Dr Bandar Salman Muhammad al-Saud ke tapak pembinaan kampus dan meninjau kemudahan yang ada di sekitar Cyberjaya mendapat reaksi positif. "Selepas ini pelajar tidak perlu lagi berasa rendah diri kerana mempunyai kampus utama. Sebelum ini mereka belajar secara online," katanya ketika ditemui selepas Dr Bandar Salman dan ahli rombongannya melawat tapak cadangan kampus utama MEDIU di sini, semalam.

Taklimat pembangunan kampus itu dikendalikan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan dan Perancangan Cyberview Sdn Bhd, Rashid Mat. Difahami, pembinaan akan bermula penghujung tahun ini menggunakan dana wakaf universiti berkenaan. Pembinaan kampus berkenaan turut meliputi sebuah masjid untuk kegunaan pelajar dan penduduk sekitar Cyberjaya. Dr Bandar Salman juga adalah Pengerusi Ahli Majlis MEDIU dan turut mempengerusikan mesyuarat ahli majlis universiti itu kelmarin. Beliau yang dalam lawatan empat hari ke negara ini turut mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya, petang semalam.

Ketika ini, MEDIU berpusat di Shah Alam mempunyai 1,265 pelajar mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang seperti Ijazah Sains Islam (Kepujian) Fekah dan Usul Fekah, Ijazah Sains Islam (Kepujian) al-Hadith, Sains al-Quran, Dakwah dan Usuluddin, Bahasa dan Kesusasteraan Arab dan Teknologi Maklumat.

Ashraf berkata, seramai 90 peratus pelajar MEDIU ialah warga asing dari 39 negara kerana teknik pembelajaran dan pengajaran adalah secara online. "Di kampus utama di Cyberjaya nanti

pelajar boleh menggunakan kemudahan seperti makmal dengan lebih selesa. Lulusan dan graduan MEDIU juga diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)," katanya. Beliau berkata, menjelang 2010, pengurusan MEDIU akan membawa masuk tenaga pengajar terbaik di dunia untuk setiap bidang yang ditawarkan universiti berkenaan.

15 Januari 2009 (Khamis)

Ekonomi - 'Pakej rangsangan kedua wajar dilaksana segera'

Oleh Kamarulzaidi Kamis kamarulzaidi@bharian.com.my



Penganalisis unjur dana RM10b diperlukan pada suku kedua

AHLI ekonomi menganggarkan kerajaan perlu menyediakan pakej rangsangan kedua bernilai antara RM7 bilion hingga RM10 bilion selewat-lewatnya suku kedua tahun ini bagi membolehkan ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan antara dua hingga tiga peratus pada 2009. Ketua Ahli Ekonomi RAM Holdings Bhd, Dr Yeah Kim Leng, berkata suntikan fiskal secara segera dan penurunan kadar faedah akan membantu negara mengharungi tempoh paling mencabar pada separuh pertama tahun ini susulan daripada kegawatan ekonomi global yang bakal menjejaskan eksport.

"Pakej rangsangan pertama (diumumkan pada November lalu) hanya mewakili satu peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, masih rendah berbanding suntikan negara lain yang umumnya antara 4-5 peratus daripada nilai KDNK mereka. "Kami menganggarkan antara RM7 bilion hingga RM10 bilion diperlukan bagi pakej kedua, mewakili tambahan satu peratus lagi daripada nilai KNDK, khususnya dalam sektor yang memberi kesan segera kepada ekonomi," katanya selepas majlis pelancaran Laporan Pembangunan Bank Dunia di Putrajaya semalam.

Yeah berkata, kebimbangan mengenai peningkatan defisit susulan pakej rangsangan itu perlu diketepikan kerana tumpuan utama adalah merangsang pertumbuhan ekonomi dalam jangka pendek bagi mengelak pertumbuhan negatif ekonomi pada suku pertama atau pun kedua tahun ini.

"Ekonomi negara berkembang pada kadar 4.7 peratus pada suku ketiga 2008 dan dijangka tumbuh pada kadar kurang empat peratus bagi suku keempat, sebelum terus perlahan pada suku pertama dan kedua tahun ini. Bagi keseluruhan tahun pula, kadar pertumbuhan pada kadar 2-3 peratus adalah lebih realistik (jika pakej rangsangan dan penurunan kadar faedah dilaksanakan)," katanya.

Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, Dr Mahani Zainal Abidin, ketika dihubungi pula berkata, kerajaan perlu melaksanakan pakej rangsangan kedua selewat-lewatnya suku kedua tahun ini. "Pertumbuhan ekonomi suku pertama dan kedua dijangka perlahan. Pakej rangsangan kedua perlu dilaksanakan segera, selewat-lewatnya menjelang Mac bagi menampakan kesan penurunan eksport. "Pakej rangsangan itu pula tidak harus bertumpu kepada infrastruktur saja. Beberapa perkara lain yang memberikan kesan segera perlu diambilkira, termasuk insentif melatih semula pekerja yang kehilangan punca pendapatan dan insentif kepada syarikat supaya tidak membuang kakitangan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pusat Kajian Dasar Awam, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata kementerian yang terbabit dalam projek dicadangkan dalam pakej rangsangan pertama perlu menyegerakan pelaksanaannya bagi membolehkan kerajaan menentukan keperluan pakej kedua. "Suntikan fiskal pertama yang sepatutnya bermula pada 1 Januari lalu harus dilaksanakan segera dan pakej kedua perlu ditumpukan kepada sektor yang memberi kesan penggandaan lebih besar kepada ekonomi termasuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS)," katanya.

15 Januari 2009 (Khamis)

Ekonomi - MSWG gesa sedia maklumat terperinci LCCT di Labu

SIME Darby Bhd, AirAsia Bhd dan Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHB) perlu menyediakan lebih banyak maklumat dan penerangan bagi menangani kebimbangan pemegang saham mereka, berkaitan cadangan pembinaan terminal penerbangan tambang murah (LCCT) di Labu, Negeri Sembilan. Ketua Eksekutif Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG), Rita Benoy Bushon, berkata maklumat seumpama itu, akan membolehkan pelabur dan pemegang saham syarikat terbabit lebih memahami keadaan sebenar berhubung cadangan berkenaan.

"Di MSWG, kami amat memahami tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan terbaik untuk syarikat, pemegang saham dan pemegang amanah, dan kami turut percaya keupayaan komersial, merit persaingan serta nilai harus menjadi faktor utama dalam membuat segala keputusan. "Justeru, bagi menyelesaikan segala kebimbangan dan persoalan yang timbul, ketiga-tiga syarikat terbabit perlu menyediakan maklumat terperinci kepada pemegang saham mereka," katanya dalam kenyataan semalam. Sebelum ini, timbul perdebatan yang mana ramai mempersoalkan mengenai kewajaran pembinaan projek pembangunan LCCT itu.

Mengulas lanjut, Rita berkata, cadangan pembinaan LCCT itu bakal memberi kesan negatif kepada MAHB ekoran jangkaan kesan pengurangan kapasiti penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Katanya, ini bersandarkan penguasaan AirAsia ke atas trafik pergerakan penumpang tempatan dan antarabangsa dengan merekodkan masing-masing sebanyak 49 dan 16 peratus. "Dalam keadaan persekitaran ekonomi dan pasaran semasa, inisiatif projek yang diketuai oleh sektor swasta amat dialu-alukan. Namun, semua pemegang amanah mesti melihat dengan gambaran luas bagi manfaat negara serta syarikat, khususnya.

"Sementara akan berlaku perdebatan bagi Sime Darby dan AirAsia membina LCCT baru itu, MSWG percaya pembangunan dan pembinaan lapangan terbang serta kemudahan infrastruktur bagi sektor penerbangan secara teratur amat penting bagi memastikan ia selari dengan Pelan Induk Lapangan Terbang Negara (PILTAN). "Jadi, MSWG berpendapat adalah baik adanya persaingan, tapi sama ada terdapatnya ruang bagi pembinaan dua LCCT boleh diperdebatkan," jelasnya. Sime Darby dan AirAsia bakal berkongsi untuk memaju dan mengendali LCCT baru yang berharga RM1.6 bilion itu dan akan dikenali KLIA-East@Labu.

15 Januari 2009 (Khamis)

UTM, PPNT bina loji proses minyak serai

UNIVERSITI Teknologi Malaysia (UTM) bekerjasama dengan Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu (PPNT) bagi membangunkan loji pemprosesan minyak serai wangi pertama di negara ini di Bukit Payong, Pelagat dan Jerangau, Terengganu. Pembinaan loji bernilai RM1.2 juta menggunakan teknologi pemprosesan serai wangi yang dibangunkan Loji Pandu Kejuruteraan Kimia (CEPP), UTM itu berupaya memproses kira-kira 1.5 juta tan tumbuhan herba mentah itu sehari.

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Zaini Ujang, berkata pembinaan loji mengambil masa enam bulan dan siap sepenuhnya Ogos tahun lalu itu mampu memberi pulangan lumayan kerana menggunakan tenaga kerja serta kos yang minimum. Katanya, kejayaan UTM membangunkan loji berkenaan membuktikan penyelidikan dan pembangunan mampu dimanfaatkan untuk kepentingan awam khususnya membantu rakyat berpendapatan rendah.

"Teknologi digunakan untuk membangunkan loji ini tidak memerlukan kepakaran tinggi tetapi ia mampu menghasilkan minyak serai wangi setanding dengan kilang pemprosesan sedia ada. "Bagi mendapatkan pengeluaran tinggi dan bermutu, CEPP yang membangunkan teknologi berkenaan menggunakan kaedah penyulingan stim untuk mengekstrak minyak dari serai wangi. 'Manakala pihak PPNT pula membekalkan tangki ekstrak, kondenser, tangki kutipan produk, kren pengangkat elektrik, pam air sejuk, tangki air dan pentas operasi," katanya dalam satu kenyataan.

Zaini menjelaskan, proses penyulingan stim diperkenalkan tidak menggunakan dandang seperti

lazim digunakan kebanyakan kilang pemprosesan, sebaliknya menerusi kaedah mendidih air terus dalam tangki ekstrak. Sambil menjelaskan pengusaha serai wangi secara tidak langsung dapat menjimatkan kos peralatan dan bayaran gaji untuk penjaga dandang bertauliah, beliau berkata; "Kita bangga kerana berjaya membangunkan loji pemprosesan minyak serai wangi ini yang beroperasi secara komersial dengan pengeluaran bahan dalam skala besar. "Selain itu, pembinaan loji ini juga secara tidak langsung menaikkan taraf sosioekonomi petani dan peladang di lokasi terbabit yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah," katanya.

16 Januari 2009 (Jumaat)

Sabah&Sarawak: Bot daftar nama orang lain tidak berhak dapat e-diesel

PAPAR: Ramai nelayan tradisi di Sabah tidak dapat menikmati kemudahan e-petrol, e-diesel, geran insentif nelayan dan bantuan sara hidup yang disediakan kerajaan kerana tidak memiliki lesen perikanan dan bot yang sah. Pegawai Perikanan Jabatan Perikanan negeri, Ernest Jinaut, berkata walaupun memiliki bot berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut atau Jabatan Pelabuhan dan Dermaga, kebanyakannya didapati didaftar atas nama orang lain. Katanya, keadaan itu berlaku berikutan kecuaiannya nelayan tidak menukar nama pemilik asal bot ketika membelinya, menyebabkan mereka tidak layak memohon bantuan kerajaan.

"Ramai yang datang ke pejabat Jabatan Perikanan di Kota Kinabalu untuk mendapatkan pengesahan sebagai nelayan berdaftar supaya berpeluang menerima bantuan kerajaan tetapi malangnya mereka tidak ada lesen perikanan yang sah. "Memang benar mereka memiliki bot berdaftar tetapi apabila disemak, nama yang tertera di lesen adalah milik orang lain. Pemilik kedua tidak boleh memohon bantuan menggunakan lesen yang ada kerana namanya berlainan. "Masalah lebih rumit apabila pemilik bot asal sudah meninggal dunia kerana ia menyukarkan proses penukaran nama pada lesen," katanya.

Beliau berkata demikian pada ceramah mengenai pelesenan peralatan menangkap ikan yang dikuatkuasakan Jabatan Perikanan negeri sempena majlis bersama nelayan anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Papar di sini, kelmarin. Katanya, pengesahan lesen perikanan dan bot diperlukan untuk mendapatkan kad nelayan yang dikeluarkan LKIM sebelum dibenar memohon bantuan kerajaan.

"Apabila membeli bot daripada orang lain, nelayan sepatutnya membuat penukaran nama pada lesen perikanan dan bot berkenaan tetapi kebanyakan nelayan tradisi di negeri ini tidak menghiraukan perkara itu. "Mereka hanya sedar apabila disuruh memohon bantuan disediakan. Kesannya, mereka lambat menerima bantuan berkenaan kerana menunggu proses penukaran nama pada lesen," katanya.

Ernest berkata, nelayan perlu datang ke pejabat Jabatan Perikanan untuk membuat penukaran nama pada lesen perikanan dan Jabatan Laut atau Jabatan Pelabuhan dan Dermaga untuk

penukaran lesen bot apabila membeli bot daripada orang lain, selain memastikan ia dibuat secepat mungkin. Sementara itu, katanya, Jabatan Perikanan masih dalam perbincangan dengan Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga bagi mengatasi masalah birokrasi ketika ini yang memerlukan nelayan memiliki dua lesen untuk beroperasi.

Lesen itu, katanya, merangkumi lesen bot atau kapal dan lesen perikanan menyukarkan nelayan kerana terpaksa berurusan di dua jabatan berbeza. "Kita sedang berbincang untuk mengatasi masalah ini dengan hanya mengeluarkan satu lesen sama ada oleh Jabatan Laut, Jabatan Pelabuhan dan Dermaga atau Jabatan Perikanan. "Jabatan sedar peraturan sedia ada merumitkan nelayan apabila mereka mengurus pembaharuan lesen atau memohon lesen baru untuk beroperasi," katanya.

16 Januari 2009 (Jumaat)

Perkemas pentadbiran hospital: PM

Oleh Abdul Halim Yusoff bhnews@bharian.com.my



ABDULLAH melihat model Kompleks Pakar Materniti dan Kompleks Psikiatri Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) sambil diperhatikan Liow (kanan), Ahmad dan Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr Nordiyannah Hassan di Kuala Terengganu, semalam.

Pengurusan berkesan tingkat khidmat kesihatan rakyat

KUALA TERENGGANU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta pentadbiran hospital memperkemas sistem pengurusan bagi memenuhi keperluan kakitangan supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai. Perdana Menteri berkata, sistem pentadbiran dan pengurusan yang kemas dan berkesan penting sejajar dengan langkah kerajaan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Beliau berkata, pentadbir hospital perlu memahami keperluan bagi doktor, pegawai perubatan dan kakitangan lain serta cuba memenuhinya.

"Dengan itu, pegawai perubatan dan kakitangan mereka dapat menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik untuk rakyat," katanya berucap pada majlis peletakan batu asas Kompleks Pakar Materniti bernilai RM115 juta dan Kompleks Psikiatri bernilai RM65 juta di Hospital

Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini, semalam. Hadir sama pada majlis itu Menteri Besar, Datuk Ahmad Said dan Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai.

Abdullah berkata, kerajaan memberi penekanan kepada perkhidmatan kesihatan kerana ia penting bagi memastikan kesejahteraan rakyat terbelas terutama bagi memacu pembangunan modal insan. Perdana Menteri berkata, kemudahan perkhidmatan kesihatan bermutu yang disediakan kerajaan adalah untuk semua rakyat tanpa mengira latar belakang agama, kaum atau status. Sementara itu, Liow dalam ucapannya berkata, pembinaan Kompleks Pakar Materniti adalah untuk meningkatkan mutu kesihatan rakyat Terengganu dan diharapkan kadar kematian bayi dan ibu akan dapat dikurangkan. Katanya, kompleks lima tingkat itu akan menempatkan wad bersalin dengan 242 katil, dewan bersalin, dewan bedah, klinik pakar obstetrik dan pusat panggilan ambulans.

16 Januari 2009 (Jumaat)

Kerajaan masih kaji isu PPSMI secara terperinci

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak pernah mendiamkan isu berhubung Pengajaran dan Pembelajaran Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), sebaliknya kajian terperinci mengenainya masih dilaksanakan. Perdana Menteri berkata, kajian mengenai pelaksanaan PPSMI yang dilaksanakan Kementerian Pelajaran itu belum selesai kerana ia perlu membabitkan penilaian terperinci meliputi lima faktor khusus.

Abdullah berkata, antaranya ialah keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), keupayaan guru, kesannya kepada bahasa Melayu, kedudukan pelaksanaannya dari segi Perlembagaan dan keputusan kajian perbandingan pencapaian pelajar antara sekolah bandar dan luar bandar. "Ini bukan isu sengaja kerajaan mendiamkan diri dan ia juga bukanlah isu yang (orang ramai) boleh ulas (sebarangan) kerana ia mesti ia berasaskan kajian," katanya selepas menghadiri majlis Himpunan Belia Bersama Perdana Menteri di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, kerajaan akan membuat keputusan mengenai pelaksanaan PPSMI apabila kajian itu selesai dan laporan mengenainya dibentangkan kepada Kabinet. Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas tindakan pembangkang menggunakan isu PPSMI untuk mempertikaikan keupayaan Barisan Nasional (BN) sebagai modal kempen menjelang hari pembuangan undi bagi pilihan raya kecil Parlimen Kuala Terengganu, esok.

Sementara itu, mengulas laporan media asing bahawa Senat Amerika Syarikat kononnya menyiasat pihak berkuasa tertentu di Malaysia yang memeras wang daripada pendatang tanpa izin dan dikaitkan dengan penyeludupan manusia, Abdullah berkata, kerajaan belum mendapat maklumat. Abdullah berkata, kerajaan berharap Senat Amerika memaklumkan Malaysia mengenai kegiatan itu jika mereka mempunyai maklumat mengenainya.

17 Januari 2009 (Sabtu)

Tabung kecemasan nelayan ditubuh

Laporan oleh Azhar Abu Samah, Zulkofli Jamaludin, Ahmad Naim Tahir, Abdul Halim Yusoff, Nazura Ngah, Hanneeyzah Bariah Bahrin, Baharom bakar, Hamid Salleh dan Aznida Alias
bhnews@bharian.com.my



NAJIB meneliti borang pendaftaran lesen seorang nelayan ketika melawat kaunter pendaftaran lesen yang dibuka sempena majlis perhimpunan bersama nelayan di Kompleks LKIM Chendering, Kuala Terengganu, semalam.

Dana awal RM1j bantuan ditimpa musibah

KUALA TERENGGANU: Kerajaan menubuhkan Tabung Kecemasan dan Kebajikan Nelayan dengan dana permulaan sebanyak RM1 juta untuk membantu meringankan beban golongan itu yang ditimpa masalah serta musibah, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tabung itu dikendalikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan kerajaan akan menentukan mekanisme pembayaran bantuan untuk meringankan beban nelayan. "Suntikan RM1 juta ini adalah sebagai permulaan Tabung Kecemasan dan Kebajikan khusus untuk menjaga kebajikan nelayan yang ditimpa musibah. "Jika mereka meninggal dunia, bot tenggelam atau rumah terbakar, tabung ini boleh membantu meringankan beban keluarga mereka," katanya pada sidang media selepas Majlis Perjumpaan Bersama Nelayan Kuala Terengganu di Kompleks LKIM Chendering, di sini, semalam.

Beliau berkata, tabung berkenaan berkuat kuasa serta-merta semalam dan dana sebanyak RM1 juta yang diperuntukkan akan ditambah dari semasa ke semasa. Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri menyampaikan elaun sara hidup nelayan bagi 2009 berjumlah RM200 juta yang akan memberi manfaat kepada 5,889 nelayan di seluruh Terengganu.

Sementara itu, ketika diminta mengulas tindakan Datuk Bandar Kuala Terengganu, Datuk Mat Razali Kassim menarik diri sebagai Pegawai Pengurus Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu kelmarin, Najib berkata, tindakan Mat Razali wajar bagi membuktikan pilihan raya dibuat secara telus dan tiada penyelewengan.

"Tak apalah (peletakan jawatan itu), kita mahu tiada sesiapa membuat tohmahan dan kita takut nanti bila BN (Barisan Nasional) menang, dia (pembangkang) membangkitkan ini sebagai satu isu. "Lebih baik kita selesaikan dengan cara dia (Mat Razali) tarik diri bagi membuktikan perjalanan pilihan raya mengikut peraturan dan tiada penyelewengan," katanya.

17 Januari 2009 (Sabtu)

RM100 juta bina rumah kos rendah

KEMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan meluluskan peruntukan RM100 juta untuk membina 1,000 rumah kos rendah di tapak seluas 10 hektar di Padang Hiliran, di sini. Timbalan Menteri, Datuk Hamzah Zainudin, berkata projek perumahan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) itu akan dilaksanakan Jabatan Perumahan Negara dan kerajaan negeri.

Bagaimanapun, peruntukan membina rumah yang dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam tidak termasuk bajet yang diluluskan melalui peruntukan Rancangan Rangsangan Ekonomi berjumlah RM400 juta.

"Melalui peruntukan rangsangan ekonomi, 4,000 unit rumah mampu milik akan dibina di seluruh negara termasuk di Terengganu dan peruntukan serta pembinaan kediaman berkenaan perlu dilakukan tahun ini," katanya selepas merasmikan Majlis Gotong Royong Bersama Masyarakat di Rumah Pangsa Batas Baru, di sini semalam.

Hamzah berkata, peruntukan besar disediakan untuk membina lebih banyak kediaman di seluruh negara termasuk di Kuala Terengganu bertujuan mencapai wawasan kerajaan satu rumah untuk satu keluarga menjelang 2020.

17 Januari 2009 (Sabtu)

Agih RM7b suku tahun pertama

KUALA LUMPUR: Pakej rangsangan ekonomi RM7 bilion yang diumumkan kerajaan dijangka diagihkan kepada kementerian dan agensi terbabit pada suku pertama tahun ini, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Kong Cho Ha. Katanya, buat masa ini kerajaan memantau pengagihan dana RM7 bilion itu dan perkembangan ekonomi serta tidak bercadang membuat pakej rangsangan lain walaupun kemelesetan ekonomi global.

"Bagaimanapun, jika ada keperluan untuk kerajaan menyuntik dana baru, langkah itu akan dibuat untuk kepentingan semua pihak. "Kerajaan memang sudah bersedia dengan situasi itu, namun tiada jumlah yang ditetapkan setakat ini," katanya selepas merasmikan akhbar mingguan ekonomi dan pelaburan berbahasa Cina pertama di negara ini, The Busy Weekly.

Kong berkata, buat masa ini kerajaan lebih memberi perhatian mengurangkan pengangguran terutama dalam industri pengeluaran membabitkan kilang elektronik yang terjejas kerana krisis ekonomi dunia.

18 Januari 2009 (Ahad)

Maklumat penjawat awam kontrak kena henti dikumpul

KUALA LUMPUR: Maklumat mengenai kakitangan awam yang berkhidmat secara kontrak di pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di seluruh negara yang ditamatkan perkhidmatan mereka sejak awal bulan ini akan dikumpulkan sebelum diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Presiden Cuepacs, Omar Osman, berkata pihaknya sudah menjelajah ke seluruh negara mengumpul maklumat itu berdasarkan laporan dan aduan yang diterima daripada mereka yang sudah ditamatkan perkhidmatannya, awal bulan ini. Katanya, beliau menerima aduan hampir setiap hari berhubung kontrak perkhidmatan tidak disambung itu yang mana kebanyakannya membabitkan jabatan kerajaan pada peringkat negeri dan agensi kerajaan termasuk badan berkanun.

“Saya memandang serius perkara ini walaupun pekerja kontrak bukannya ahli kesatuan ini. Kebanyakan pengadu mendakwa mereka kakitangan kontrak yang sudah berkhidmat lebih lima tahun, malah ada yang sudah bekerja antara 10 dan 15 tahun. “Apabila kontrak mereka tidak disambung, ia akan menyukarkan kehidupan tambahan pula perbelanjaan semakin bertambah dan anak-anak masih bersekolah. Lagipun, negara dijangka akan menghadapi kelembapan ekonomi,” katanya dihubungi Berita Minggu, semalam.

Beliau sebelum ini mendedahkan kemungkinan 50,000 kakitangan awam yang berkhidmat secara kontrak bakal ditamatkan perkhidmatan bermula awal tahun ini. Namun, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam memberi jaminan tidak akan menamatkan perkhidmatan lebih 20,000 kakitangan awam yang berkhidmat secara kontrak di pelbagai jabatan dan agensi kerajaan. Ismail bagaimanapun menegaskan jaminan itu hanya membabitkan kakitangan kontrak yang berkhidmat dengan jabatan serta agensi di bawah kerajaan Persekutuan dan bukannya dengan kerajaan negeri.

Omar berkata, terbaru beliau menerima aduan kakitangan kontrak di Jabatan Pendidikan akan diberhentikan dan lebih 20 pekerja dengan status yang sama di Kementerian Luar sudah diberhenti, baru-baru ini. “Alasan yang diberikan Ketua Jabatan untuk tidak melanjutkan kontrak kadang kala sukar diterima, sedangkan kakitangan itu sudah berkhidmat lebih 10 tahun. Jika mereka pekerja kontrak yang berkhidmat satu atau dua tahun atau masih muda, itu tidak menjadi masalah sangat. “Kita harap kerajaan memberikan pertimbangan supaya mereka yang bertaraf kontrak ini diserapkan ke jawatan tetap terutama yang sudah lama bekerja.

Pekerja kontrak ini, tidak mendapat kemudahan seperti kakitangan tetap yang boleh mendapat pinjaman kerajaan serta elaun tertentu. Malah, ada antara kakitangan kontrak ini tidak layak menerima kemudahan kesihatan percuma seperti dinikmati pekerja tetap," katanya.

Beliau mendakwa turut menerima aduan ada pekerja kurang upaya (OKU) tidak disambung kontrak dengan alasan tidak memberikan perkhidmatan yang baik serta sering meminta cuti sakit. "Perkara ini tidak sepatutnya berlaku, tambahan pula dalam suasana ekonomi tidak memberangsangkan kini," katanya.

Ditanya mengenai perbincangan Cuepacs dengan JPA berhubung isu berkenaan, katanya pihaknya masih belum berbincang dengan JPA kerana masih menunggu tarikh sesuai untuk bertemu. "Saya jangka kemungkinan mesyuarat akan diadakan awal Februari ini dan kita harap isu berkenaan akan selesai secepat mungkin," katanya.

19 Januari 2009 (Isnin)

Fokus: Pemasaran R&D

Oleh Rosniza Mohd Taha yoniza@bharian.com.my



SEBAHAGIAN hasil penyelidikan dan pembangunan UPM yang berjaya dikomersialkan.

Individu berpengalaman perniagaan wajar dilantik terajui pusat pengkomersialan, syarikat universiti

DASAR Kementerian Pengajian Tinggi yang mahu setiap universiti menjana pendapatan sendiri sebanyak 15 hingga 20 peratus menjelang 2010 mendorong institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menggiatkan usaha mengkomersialkan pelbagai hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D). Antara usaha dilaksanakan ke arah itu adalah menubuhkan pusat pengkomersialan atau syarikat universiti bagi merapatkan hubungan IPTA dan industri serta menyalurkan maklumat penyelidikan kepada masyarakat luar.

Pegawai kanan Pusat Pengkomersialan Universiti Stanford, Amerika Syarikat, John Sanderlin menekankan kepentingan melantik tokoh berjaya dan berpengalaman luas dalam bidang perniagaan untuk mengendalikan syarikat universiti bagi memastikan ia berkesan. "Ahli akademik tidak harus tersenarai dalam struktur organisasi pusat pengkomersialan universiti,"

tegasnya ketika berkongsi pengalaman kejayaan Universiti Stanford mengkomersialkan hasil R&D dalam persidangan bioteknologi di Kuala Lumpur, akhir tahun lalu. Apa yang dilaksanakan kebanyakan IPTA negara ini apabila mula menubuhkan pusat pengkomersialan pada 2002 jelas bertentangan dengan penegasan wakil universiti penyelidikan swasta ternama di California itu.



KAKITANGAN Pusat Inovasi dan Pengkomersialan UPM, Sharifah Abu Bakar (kanan), menunjukkan produk penyelidikan berjaya dikomersialkan kepada Norhaslinawati Najjamuddin dan Norhadida Irdayu Hanafi (tengah).

Majoriti kakitangan pusat pengkomersialan IPTA terdiri daripada ahli akademik dan penolong pentadbir, selain ditunjungi individu yang tidak berpengalaman serta tidak peka dengan strategi pemasaran semasa dan keperluan industri. Natiujahnya, jurang komunikasi dan hubungan antara universiti dengan industri semakin jauh serta gagal meningkatkan pertumbuhan pengkomersialan R&D IPTA seperti diharapkan.

Sesetengah universiti mula sedar mengenai keperluan mendapatkan kepakaran individu berpengalaman dalam perniagaan untuk menerajui bahagian pengkomersialan tetapi menghadapi masalah mendapatkan tokoh seumpama itu berkhidmat dengan IPTA. Apabila berjaya mendapat kepakaran diharapkan, sesetengah daripadanya meletak jawatan dan mengkomersialkan sendiri hasil penyelidikan universiti kerana menyedari keuntungan lumayan berpotensi diperolehi daripadanya.

Perkara ini dialami salah satu universiti penyelidikan negara, Universiti Putra Malaysia (UPM) seperti didedahkan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Abu Bakar Salleh. "Kami pernah mendapat kepakaran individu berpengalaman dalam perniagaan bagi mengetuai Unit Pengurusan Harta Intelek tetapi apabila menyedari potensi besar menjana keuntungan, beliau meletak jawatan dan mengkomersialkan sendiri beberapa hasil penyelidikan berkenaan. "Buat masa ini, kami masih mencari calon pengganti sesuai dan ia memang sukar dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Ghauth Jasmon, mengakui beliau tidak berpuas hati dengan pencapaian bahagian pengkomersialan universitinya. Katanya, UM kini mengorak langkah bagi menghasilkan penyelidik bertaraf jutawan kerana percaya hasil R&D ahli akademik universiti itu berkualiti dan berpotensi tinggi diketengahkan.

"Saya tidak berpuas hati dengan pencapaian UM Holdings ketika ini. Walaupun individu yang dilantik menerajuinya adalah dari industri, beliau tidak menghasilkan kejayaan diharapkan

dalam aspek pengkomersialan harta intelek UM. "Saya sudah memberikan beliau tugas khas menjual stok paten harta intelek UM yang terlalu banyak ketika ini supaya belajar menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan," katanya.

Sementara itu, Dekan Penyelidikan Sains Hidupan Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Nazalan Najimudin, berkata universiti Apex itu bertuah kerana Bahagian Penyelidikan dan Inovasinya diketuai ahli akademik yang berpengalaman luas dalam sektor swasta menerusi perkhidmatan dengan BioTech Corporation sebelum ini.

"Mempunyai ahli akademik yang berpengalaman industri memberi kelebihan kerana beliau dapat berkomunikasi dan memahami penyelidik dengan lebih baik serta peka dengan keperluan semasa pasaran. "Dengan itu, beliau dapat melaksanakan langkah sesuai bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak serta mewujudkan kerjasama harmoni antara kedua-dua pihak. "Namun, saya akui memang sukar mendapat calon sesuai seumpama itu, kebarangkaliannya satu dalam seribu," katanya.

19 Januari 2009 (Isnin)

Sabah & Sarawak: Penduduk rayu jalan diturap mudahkan hasil tani dipasarkan

Penduduk rayu jalan berturap bawa hasil tani keluar

NABAWAN : Kira-kira 1,000 penduduk mukim Pemunterian, di sini yang tidak pernah menikmati kemudahan jalan berturap, tidak sanggup lagi menanggung penderitaan melalui jalan sedia ada yang sering rosak setiap kali musim hujan. Dengan keadaan jalan tidak berturap yang berlopak di sepanjang laluan sepanjang kira-kira lapan kilometer itu, penduduknya yang dikategorikan rakyat termiskin sukar membawa hasil pertanian ke pekan ini, sekali gus menggugat sosio ekonomi mereka.

Mukim Pemunterian mempunyai 10 kampung. Antaranya ialah Kampung Pemunterian, Salarom Baru, Kebu Baru, Tiang dan Ulu Mosopoh. Seorang penduduk, Joy Malaum, 47, berkata penduduk merayu kerajaan menurap jalan berkenaan bagi memudahkan mereka membawa keluar hasil pertanian, selain memudahkan murid berulang alik ke sekolah. "Kami amat memerlukan jalan berturap, setiap kali hujan lebat, jalan itu tidak mampu dilalui. "Lebih menyedihkan apabila berlaku kecemasan, sukar untuk kami membawa penduduk yang sakit ke hospital," katanya kepada Berita Harian, di sini semalam.

Joy berkata, penduduk sudah beberapa kali memaklumkan perkara berkenaan kepada Pejabat Daerah Nabawan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Nabawan tetapi belum ada tindakan diambil setakat ini.

Andisa Agui, 55, berkata ketiadaan jalan berturap menyebabkan murid tidak dapat ke sekolah ketika musim hujan kerana setiap kali mereka melalui jalan berkenaan, kasut dan pakaian mereka kotor. "Kami amat memerlukan kemudahan jalan berturap. Kami tidak sanggup lagi menggunakan jalan yang lecah dan berlopak," katanya.

Sementara itu beberapa pengusaha kebun yang ditemui merayu kerajaan menaik taraf jalan berkenaan bagi membolehkan hasil pertanian seperti getah dan kelapa sawit dibawa keluar untuk dipasarkan.

19 Januari 2009 (Isnin)

Timur: RM19j bagi naik taraf prasarana di Bukit Fraser

KUANTAN: Kerajaan negeri memperuntukkan RM19 juta bagi tujuan menaik taraf, menambah baik dan memulihkan pembangunan prasarana di Bukit Fraser, bagi menarik lebih ramai pelancong tempatan dan asing ke pusat peranginan itu. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Warisan, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Wanita Negeri, Datuk Shafik Fauzan Sharif, berkata projek itu yang dimulakan sejak 2007 dan dijangka siap sepenuhnya Jun depan.

Beliau berkata, Majlis Daerah Raub (MDR) bertanggungjawab melaksanakan kerja berkenaan bagi merencanakan lagi pembangunan industri pelancongan di pusat peranginan yang terkenal dengan jolokan 'Little England' sejak sekian lama. Katanya, proses pemulihan dan penambahbaikan prasarana itu diharap mampu menjana sumbangan pembangunan ekonomi negeri ini dan juga pengusaha pelancongan di sekitarnya.

"Kita akan mengekalkan jolokan nama 'Little England' di Bukit Fraser bagi menggambarkan suasana pusat peranginan yang begitu sinonim dengan keindahan alam semula jadinya yang masih terpelihara daripada sebarang pencemaran. "Kerajaan negeri juga sedia bekerjasama dengan MDR untuk mempertingkatkan lagi pembangunan pelancongan di sini," katanya kepada Berita Harian, di sini, semalam.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, RM1.5 juta diperuntukkan untuk kerja menaik taraf dan membaikpulih kemudahan prasarana asas seperti taman awam, tandas awam, sistem perparitan, jalan raya, menara jam dan lampu hiasan jalan. Katanya, kerja menaik taraf jalan pula membabitkan lapan laluan iaitu Denai Maxwell, Hemman, Abu Suradi, Rompin, Kindersley, Mager, Pine Tree dan Bishop. "Kerja penstabilan tanah dan cerun diberi keutamaan terutama berhampiran Banglo Cini, Banglo Kuantan dan Banglo Temerloh bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini."Usaha meningkatkan kemudahan pelancongan di hotel, banglo, bangunan kedai dan kawasan bandar Bukit Fraser juga sedang giat dilaksanakan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF)," katanya.

Beliau berkata, perancangan aktiviti sepanjang tahun juga sudah disediakan bermula Mac depan, termasuk pertandingan Bird Race iaitu antara satu acara peringkat antarabangsa yang diadakan pada Jun setiap tahun. Selain itu, beberapa acara lain seperti sukan memanah, wood ball dan golf akan diperkenalkan bagi menarik lebih ramai kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa.

19 Januari 2009 (Isnin)

15,000 tak pernah dinaik pangkat

Oleh Azman Mahmood bhnews@bharian.com.my

JPA diminta beri kenaikan pekerja tercicir

KUALA LUMPUR: Cuepacs mendedahkan kira-kira 10,000 hingga 15,000 kakitangan awam Kumpulan Sokongan Dua yang bekerja 20 hingga 30 tahun dan hampir mencapai umur bersara wajib tidak pernah dinaikkan pangkat. Mereka bekerja di pelbagai agensi dan jabatan kerajaan seluruh negara tidak mendapat perhatian majikan, sekali gus tidak menikmati kenaikan gaji yang banyak.

Presidennya, Omar Osman, berkata perkara itu tidak seharusnya berlaku kerana dianggap penganiayaan kepada kakitangan terbabit. Katanya, walaupun mereka kakitangan bawahan seperti pekerja rendah awam, pemandu, operator mesin dan pembantu am pejabat, majikan perlu memberi perhatian mengenai peluang kenaikan pangkat. "Kita minta JPA melihat semula perkara ini dan memberi kenaikan pangkat kepada mereka terbabit yang disifatkan tercicir daripada perhatian majikan," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Mengenai isu Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang dikatakan belum selesai, Omar berkata, Cuepacs sudah menerima Surat Pekeliling Bilangan 19 Tahun 2008 Pengubahsuaian PTK yang memuatkan Panduan Pelaksanaan PTK Yang Diubah Suai oleh JPA dan sepatutnya dikuatkuasakan 1 Januari lalu. Bagaimanapun, Cuepacs menolak PTK yang sudah diubah suai itu kerana 40 peratus pengubahsuaian tidak dipersetujui Cuepacs, termasuk berkaitan anjakan gaji dan peperiksaan ulangan dihadkan satu kali setahun.

19 Januari 2009 (Isnin)

30,439 syarikat dibatal pendaftaran

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati sektor perdagangan borong dan runcit serta restoran dan hotel paling banyak berhadapan masalah sehingga pendaftarannya dibatalkan sepanjang tahun lalu. Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Abdul

Karim Abdul Jalil, berkata hampir 16 peratus atau 18,198 syarikat daripada 223,313 syarikat sektor berkenaan yang wujud sehingga Disember 2008 didapati tidak aktif.

“Keadaan ekonomi global yang tidak menentu turut memberi kesan kepada syarikat sektor berkenaan di negara ini hingga menyebabkan 30,439 syarikatnya dibatalkan pendaftarannya akhir tahun lalu kerana berhenti berniaga dan gagal mengemukakan laporan penyata kewangan untuk lebih lima tahun,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Menggunakan pangkalan data terkini SSM, 115,043 syarikat daripada 116,119 syarikat yang masih wujud tetapi tidak aktif dibatalkan pendaftarannya sehingga Disember lalu.

Abdul Karim berkata, selain itu, 17,616 syarikat berkaitan perkhidmatan kewangan, insurans, harta, pelaburan dan perniagaan dibatalkan, menjadikannya sektor kedua paling tinggi dibatalkan pendaftaran. Katanya, 8,945 syarikat berkaitan tidak lagi aktif namun 161,815 syarikat masih aktif sehingga Disember lalu. Dalam tempoh sama, beliau berkata, 5,708 syarikat pembinaan dibatalkan pendaftarannya; 2,073 syarikat dalam proses untuk dibubarkan di mahkamah, manakala 2,656 syarikat tidak aktif. Sebanyak 49,880 lagi syarikat masih aktif sehingga akhir tahun lalu.

Abdul Karim berkata, sektor lain yang turut merasai kesan kemerosotan ekonomi adalah perkilangan, pengangkutan dan komunikasi, perkhidmatan komuniti, sosial dan peribadi serta pertanian, pemburuan, perhutanan dan penangkapan ikan.

19 Januari 2009 (Isnin)

Koperasi kecil digabung

Oleh Mustafa Ngah Mansor bhnews@bharian.com.my

Langkah strategik supaya lebih aktif, manfaat untuk ahli

KAMPUNG GAJAH: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan menggabungkan sejumlah koperasi kecil terutama di luar bandar bagi membentuk konsortium bertujuan meningkatkan perannya untuk kepentingan rakyat. Menteriinya, Datuk Noh Omar, berkata penggabungan koperasi kecil terbabit akan dilaksanakan secara teliti dan cekap bagi memastikan ia memberi manfaat kepada seluruh ahli koperasi.

Beliau berkata, kementerian mendapati formula penggabungan adalah relevan kerana ia memberi nafas baru kepada koperasi sedia ada walaupun sesetengah koperasi sudah wujud lebih 20 tahun. Katanya, pergerakan koperasi terutama koperasi kecil agak terbatas disebabkan kekurangan sumber modal dan kepimpinan tidak cekap serta berkesan menjadi antara punca utama koperasi tidak aktif. "Daripada 5,000 koperasi di seluruh negara hanya 20 peratus

aktif dan menyedari hakikat itu kementerian menggalakkan koperasi kecil bergabung supaya aktif memb-eri faedah kepada ahlinya.

"Sebagai permulaan, dua perkara utama perlu dilaksanakan iaitu koperasi boleh mengambil peranan sebagai pusat pengumpulan produk ahli dan menceburi bidang pengangkutan awam," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Kampong Gajah Berhad di Dewan Mellinium Pejabat Daerah di sini, di sini semalam.

Noh berkata, kementeriannya melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyediakan sejumlah peruntukan bagi projek bas mini untuk kemudahan pengangkutan penduduk luar bandar dan koperasi boleh mendapatkan pinjaman daripada SKM. Beliau berkata, koperasi yang sanggup menjadi pusat pengumpulan produk luar bandar di setiap daerah boleh mendapatkan peruntukan daripada kementerian.

Bagaimanapun, pinjaman hanya diluluskan apabila koperasi mampu memperbaiki mutu produk terutama pembungkusan dan label selain sanggup memasarkannya. Sehubungan itu, Noh meminta koperasi yang berminat menyediakan kertas kerja dan berhubung dengan SKM untuk mendapat khidmat nasihat.

20 Januari 2009 (Selasa)

Sabah&Sarawak: Ko-Nelayan kekal pembekal tunggal diesel bersubsidi

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah bhnews@bharian.com.my

Langkah bagi menjaga kepentingan agensi kerajaan negeri

KOTA KINABALU: Kerajaan Sabah memutuskan untuk mengekalkan Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) sebagai pembekal tunggal dalam penjualan diesel bersubsidi kepada nelayan di negeri itu. Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin, berkata perkara itu diputuskan Jemaah Kabinet negeri pada mesyuarat 8 Januari lalu sebagai maklum balas terhadap cadangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang mahu mengambil alih tugas berkenaan. Katanya, langkah itu perlu bagi menjaga kepentingan Ko-Nelayan sebagai agensi kerajaan negeri yang diberi tanggungjawab mengedar diesel bersubsidi kepada nelayan di negeri ini sejak 2001.

"Sebelum ini LKIM bercadang mengambil alih tugas Ko-Nelayan sebagai pembekal diesel bersubsidi di negeri ini dan mengagihkannya kepada Persatuan Nelayan Sabah (Pengasah) secara berperingkat mulai bulan ini seperti diumumkan Pengerusinya, Datuk Abdul Rahim Ismail. "Jika diterima, ia akan menyebabkan perubahan dasar yang akan menjejaskan kepentingan Ko-Nelayan sebagai agensi kerajaan negeri," katanya, di sini kelmarin.

Yahya yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri berkata, Ko-Nelayan sudah menjalankan operasi penjualan diesel bersubsidi kepada nelayan di Sabah sejak 2001 selepas mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Sebelum itu, katanya, nelayan terpaksa mendapatkan bahan api itu pada harga industri di stesen minyak.

“Nelayan bukan saja menanggung kos harga diesel yang tinggi, malah mengalami masalah mendapatkan bekalan dari pusat jualan yang jauh dari jeti. “Menyedari masalah itu, Ko-Nelayan sudah memohon kelulusan menjual diesel bersubsidi di jeti miliknya yang menjadi lokasi bot nelayan berlabuh di seluruh negeri,” katanya.

Yahya berkata, Ko-Nelayan dilantik sebagai pembekal tunggal diesel bersubsidi nelayan di Sabah pada mesyuarat mengenai isu harga dan pengedaran minyak diesel yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri pada 25 Oktober 2005.

Pelantikan yang berkuat kuasa 1 Jun 2006 itu, katanya, sama seperti pelantikan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan Persatuan Nelayan Sarawak (Penesa) sebagai pengedar tunggal diesel bersubsidi di Sememnanjung dan Sarawak.

“Bagi memastikan subsidi diesel dinikmati oleh kumpulan sasar di seluruh negeri, Ko-Nelayan telah memperluaskan pusat jualan di semua daerah termasuk satu pusat jualan di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

Ketika ini, katanya, ada 20 pusat jualan diesel bersubsidi kendalian Ko-Nelayan di seluruh negeri. Daripada jumlah itu, katanya, tiga pusat jualan dikendalikan sendiri oleh Ko-Nelayan, 11 dijalankan secara usaha sama dengan pengusaha jeti swasta dan enam pusat jualan dikendalikan dengan secara usaha sama dengan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) bagi tempoh lima tahun. Yahya berkata, Ko-Nelayan bertindak sebagai pembekal atau pemborong kepada pengusaha jeti dan PNK dalam proses penyaluran diesel bersubsidi.

20 Januari 2009 (Selasa)

Sabah&Sarawak: Penduduk Pulau Sebatik rayu jalan berturap

PULAU SEBATIK (TAWAU): Kira-kira 15,000 penduduk pulau ini yang tidak pernah menikmati kemudahan jalan berturap sejak sebelum merdeka, merayu kerajaan membantu meringankan bebanan hidup mereka dengan menyediakan kemudahan berkenaan.

Berbanding penduduk di Tawau dan kebanyakan kawasan pinggir bandar yang menikmati pelbagai kemudahan berkenaan, kebanyakan penduduk di pulau ini tidak pernah menikmatinya. Setakat ini, pulau seluas kira-kira 40 kilometer persegi itu hanya mempunyai sebatang jalan raya sepanjang 19 kilometer dari Kampung Bergusong ke Wallace Bay.

Berikutan itu, penduduk kira-kira 15 kampung berkenaan amat dahagakan penyediaan jalan raya atau sekurang-kurangnya jalan kampung berbanding terpaksa menggunakan perahu sebagai alat pengangkutan utama.

Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR) Pulau Sebatik, Zakaria Sulaiman, berkata jalan dari Kampung Bergusong ke pelbagai kampung yang lain perlu dibina bagi memudahkan perhubungan penduduk, sekali gus membantu mereka meningkatkan sosioekonomi melalui pemasaran hasil pertanian secara lebih mudah dan cekap.

"Untuk bergerak, mereka terpaksa menggunakan perahu menyusuri pantai sebelum masuk ke kuala kecil di pelbagai kampung. Jika air surut, mereka tidak boleh bergerak. "Begitu juga dengan jalan. Pulau ini dipenuhi lumpur paya bakau. Bagi memudahkan mereka bergerak, kerajaan menyediakan pelantar di atas kawasan paya bakau. "Bagaimanapun, kebanyakan pelantar pejalan kaki itu sudah reput dan menunggu masa untuk runtuh," katanya kepada Berita Harian, ketika ditemui di sini semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Pisak-pisak, Kamlun Kalmin, berkata penduduk terpaksa bertarung dengan jalan berlopak dan licin setiap kali musim hujan untuk mengeluarkan hasil pertanian seperti koko.

"Kenderaan kami sering terbenam dalam lumpur setiap kali musim hujan. Kami terpaksa berusaha dengan pelbagai cara untuk mengeluarkan kenderaan yang terbenam. "Kami merayu kerajaan membina jalan yang lebih baik. Kalau bukan jalan raya, sekurang-kurangnya jalan kampung yang lebih baik daripada yang sedia ada," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak harus membiarkan mereka terus menanggung kesukaran menjalani kehidupan harian kerana kemerdekaan negara menjanjikan pembangunan seimbang untuk rakyat.

20 Januari 2009 (Selasa)

Utara: Kakitangan kerajaan usah terima hadiah berharga

Oleh Amin Ridzuan Ishak aminridzuan@bharian.com.my

SPRM beri peringatan elak langgar peraturan babitkan rasuah

GEORGETOWN: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang mengingatkan pegawai dan kakitangan kerajaan di negeri ini supaya tidak menerima barangan berharga termasuk hamper sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Pengarahnya, Latifah Md Yatim, berkata tindakan menerima hadiah seperti hamper atau 'ang pau' boleh dianggap sebagai menerima rasuah dan menyalahi undang-undang. "Ia

terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam 398 Seksyen 8 yang melarang mereka (kakitangan awam) menerima barangan berharga jika ia ada kaitan urusan rasmi antara mereka. "Jadi, semua pihak harus berhati-hati jika tidak mahu menerima hukuman," katanya kepada Berita Harian.

Mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan, mereka yang sabit kesalahan kerana menerima atau memberi rasuah boleh dipenjara maksimum dua tahun atau denda.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan sesetengah pihak yang cenderung memberi barang berharga dalam bentuk hamper kepada pegawai kerajaan pada musim perayaan. Selain Seksyen 165 Kanun Keseksaan, pegawai awam yang melakukan kesalahan itu juga boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 10 (a) dan 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Ditanya bagaimana untuk menentukan sama ada sesebuah pemberian itu boleh dianggap rasuah, Latifah berkata, pihaknya mendefinisikan ia sebagai rasuah jika nilainya mencecah ribuan ringgit.

"Banyak hamper terutama mengandungi minuman beralkohol dijual di pasaran yang boleh dianggap sebagai pemberian rasuah jika diberikan kepada kakitangan kerajaan. "Cuma, bagi pemberian limau mandarin yang sering diberikan pada Tahun Baru Cina, saya rasa ia tidak didefinisikan sebagai rasuah jika jumlahnya tidak banyak," katanya.

Latifah berkata, BPR negeri juga berharap pegawai kerajaan yang menerima hamper atau barangan berharga pada musim perayaan ini supaya melaporkan kepada pihaknya untuk tindakan susulan. "Kami akan mencari individu yang memberi barangan itu dan akan mendakwanya mengikut akta sudah ditetapkan," katanya.

20 Januari 2009 (Selasa)

Timur: Penternak ikan air payau rayu henti projek chalet

Oleh Ramli Hussin bhkb@bharian.com.my

Penduduk mengeluh penambakan muara sekat pengaliran air ke laut

PASIR PUTEH: Kira-kira 100 penternak ikan air payau sekitar kawasan lagun Kuala Semerak di sini, merayu kerajaan negeri menghentikan segera projek pembangunan chalet di kawasan terbabit. Projek itu yang terletak di hadapan muara kuala menyebabkan sebahagian muara itu ditambah sekali gus mengganggu pengaliran air ke laut.

Penternak, Md Kamal Ibrahim, 26, berkata jika projek itu diteruskan, besar kemungkinan pendapatan penternak akan terjejas. "Kami semua mungkin tidak boleh bertahan lagi kerana

setiap kali banjir melanda, ikan yang diternak akan mati kerana air yang masuk ke kawasan lagun ini tidak dapat mengalir keluar dengan cepat ekoran pembangunan yang dilaksanakan di muara itu," katanya.

Beliau berkata, sebahagian besar pengusaha ternakan ikan air payau ini sudah lebih 15 tahun beroperasi di lagun itu, yang mana hasil ternakan itu bukan saja menampung keperluan domestik tetapi juga pasaran eksport ke Singapura, Jepun dan Hong Kong. Seorang lagi penternak, Yusof Ibrahim 45, pula berkata, takungan air tawar selama beberapa hari di lagun itu baru-baru ini, menyebabkan beliau kerugian hampir RM300,000 apabila 250,000 ternakannya dari spesies kerapu harimau, berusia satu hingga 10 bulan, mati.


Beliau berkata, sebahagian ikan yang mati itu, jika masih hidup boleh dijual pada harga antara RM40 hingga RM60 sekilogram apabila dieksport dan mampu memberi keuntungan bersih sehingga RM150,000. "Kalaulah kuala ini dapat berfungsi seperti dulu, perkara ini pasti tidak akan berlaku. Berikutan itu, semua penternak ikan air payau di sini merayu kepada kerajaan negeri supaya menghentikan pembinaan bangunan di kawasan itu, walaupun ia didakwa pembangunan mapan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Semerak, Datuk Mohd Jailani Jaafar, merayu kerajaan negeri menangguhkan projek terbabit kerana banyak perkara yang perlu diambil kira terlebih dulu. Beliau berkata, sebelum ini, kerajaan pusat meluluskan peruntukan RM10 juta untuk membina terowong di kuala yang tertutup itu, tetapi sehingga kini tiada tanda projek itu akan dibina. Jailani berkata, pembinaan terowong di Lagun Kuala Semerak boleh menyelamatkan ternakan ikan air payau di situ kerana apabila ia membolehkan pengaliran air ke Laut Cina Selatan. Selain limpahan banjir, beliau berkata, aliran air dari pusat pelupusan sampah milik Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) tidak jauh dari tebing Terusan Semerak, di Kampung Bukit Gedombak dikhuatiri turut menjadi penyebab kematian ikan di situ.

20 Januari 2009 (Selasa)

Sentral: Pembukaan Pasar Tani Mega jejas peniaga kafeteria

Oleh Mohd Hamizar Hamid mizar@bharian.com.my



KAFETERIA Kementerian Kewangan Presint 2 lengang sejak Pasar Tani Mega di Presint 2 mula beroperasi.

Pengusaha tanggung rugi berikutan pelanggan berkurangan

PUTRAJAYA: Kemelut pelanggan berkurangan semakin dirasa peniaga di sekitar kawasan terletak berhampiran lokasi Pasar Tani Mega yang beroperasi setiap Selasa dan Jumaat di sini sejak Ogos tahun lalu. Walaupun keluhan peniaga di kafeteria di bangunan beberapa kementerian dan pasar di sini sudah disuarakan kepada Perbadanan Putrajaya, tiada tindakan diambil sehingga ada beberapa peniaga gulung tikar.

Peniaga kedai makan di Kafeteria Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan di Presint 2 di sini, Rozita Abdul Aziz, berkata beliau terpaksa berpakat dengan dua lagi rakan peniaga kafeteria berkenaan untuk berniaga secara bergilir setiap Jumaat. "Kami bertiga sebagai pemilik kedai makan di sini terpaksa berniaga secara bergilir dengan hanya satu kedai beroperasi pada Jumaat, manakala dua lagi 'direhatkan' bagi mengelak kerugian," katanya.

Rozita yang mula berniaga di situ sejak dua tahun lalu, berkata purata pelanggan pada Jumaat adalah 300 orang berbeza ketika sebelum Pasar Tani Mega dimulakan yang mencecah hampir 1,000 terdiri daripada kakitangan kerajaan. Sehubungan itu, pendapatan yang diperoleh kini cukup sekadar membayar gaji empat pekerja, elektrik dan air selain khidmat penyelenggaraan. "Lebih menyakitkan hati ada pelanggan yang membeli makanan di Pasar Tani dan kemudian datang makan di kafeteria ini menggunakan perkakasan seperti pinggan dan sudu di sini," katanya.

Tempias turut dirasai peniaga ayam di Pasar Presint 8 yang mendakwa pendapatan mereka terjejas teruk selepas pembukaan Pasar Tani Mega yang terletak kurang dua kilometer. Sehubungan itu, peniaga pasar termasuk peniaga ayam, ikan dan sayur-sayuran gagal meraih pendapatan seperti sebelum ini, malah menanggung kerugian kerana terpaksa membuang lebihan jualan.

Peniaga ayam, Ahmadi Md Din, berkata sejak pembukaan Pasar Tani Mega, ramai peniaga pasar mengeluh kerana pendapatan berkurangan termasuk yang terpaksa menutup kedai akibat tidak dapat menanggung hutang. "Kami tidak berniat menyalahkan mana-mana pihak tetapi kami tersepit kerana sebagai peniaga tempatan, kami tidak sepatutnya dianaktirikan. "Sekarang nampak seolah-olah peniaga luar meraih keuntungan dengan berniaga di sini tetapi kami peniaga di kawasan ini sendiri menanggung kerugian," katanya.

Ahmadi berkata, peniaga sebelum ini memperoleh pulangan tinggi hasil jualan setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad. "Keadaan berbeza sekarang, pelanggan semakin berkurangan berikutan kekerapan pasar tani. Jika berterusan, tidak tahu selama mana kami boleh bertahan," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan tapak Pasar Tani Mega yang kini terletak berhampiran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) dipindahkan ke kawasan lain.

20 Januari 2009 (Selasa)

Khazanah rancang labur RM58b dalam tiga tahun



Tumpu sektor miliki kesan pengganda ekonomi yang besar

KHAZANAH Nasional Bhd merancang memperuntukkan pelaburan sebanyak RM58 bilion untuk tempoh tiga tahun akan datang dengan tumpuan terhadap sektor yang memiliki kesan pengganda ekonomi yang besar dan pulangan baik kepada pemegang saham. Pengarah Urusannya, Tan Sri Azman Mokhtar, berkata peruntukan pelaburan bagi tempoh 2009-2011 itu difokuskan dalam pembangunan Iskandar Malaysia, sektor tenaga, telekomunikasi, pelancongan, infrastruktur, penerbangan, pertanian, sains hayat, kesihatan, teknologi dan sektor kreatif.

"Tumpuan utama pelaburan bagi tahun ini dan tempoh jangka sederhana adalah dalam sektor domestik yang memiliki kesan pengganda tinggi dari segi ekonomi serta peluang pekerjaan. "Dalam tempoh tiga tahun akan datang dianggarkan sebanyak RM58 bilion akan dilaburkan, khususnya dalam pembangunan Iskandar Malaysia, projek jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB), tenaga dan sebagainya," katanya pada sidang media selepas membentangkan Kajian Tahunan Kelima di Kuala Lumpur semalam.

Pada masa sama, beliau menjelaskan, dalam tempoh lima tahun lalu, Khazanah dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sudah membelanjakan kira-kira RM36 bilion dalam ekonomi domestik. Mengulas mengenai prestasi Khazanah dalam tempoh enam bulan hingga 31 Disember lalu, Azman berkata, port-folio pelaburannya susut seiring dengan pasaran global dan serantau. "Keseluruhan nilai portfolio aset susut kepada RM70.4 bilion berbanding RM88.2 bilion dalam tempoh kajian. Nilai bersih juga susut kepada RM33.7 bilion pada 31 Disember 2008, berbanding RM53.1 bilion pada 31 Mei 2008," kata beliau.

Azman menambah, pulangan ke atas pemegang saham bagi syarikat tersenarai miliknya susut 35.7 peratus pada 2008, sejajar penurunan 35.7 peratus penanda aras pasaran, Indeks Komposit Kuala Lumpur pada tahun lalu. Bagaimanapun, katanya, kedudukan kewangan kekal

kukuh dengan kelebihan nilai aset berbanding liabiliti sebanyak 1.9 kali ganda dan sebahagian besar GLC di bawah Khazanah sudah mengukuhkan kedudukan kewangan masing-masing.

Beliau yakin GLC di bawah Khazanah berkedudukan baik untuk mengharungi krisis ekonomi global, namun keadaan pasaran yang tidak menentu kini bukan masa terbaik untuk membuat keputusan pelaburan baru.

Mengulas mengenai terbitan hak oleh anak syarikat perkhidmatan selularnya, Azman berkata, TM International Bhd akan menerbitkan instrumen pembiayaan itu atau beberapa terbitan berkaitan ekuiti lain pada suku semasa bagi mendapatkan dana untuk membayar balik sebahagian daripada hutangnya. Sementara itu, Azman juga berkata, Proton Holdings Bhd, syarikat pengeluar kereta nasional perlu mencari penyelesaian jangka panjang termasuk membentuk pakatan strategik dengan syarikat lain. Khazanah yang memiliki 42.74 peratus pegangan ekuiti dalam Proton, yakin pakatan strategik boleh dibentuk meskipun industri automotif global kini dalam keadaan tertekan.

20 Januari 2009 (Selasa)

'Tidak sokong pembinaan LCCT baru di Labu'

KHAZANAH Nasional Bhd tidak menyokong cadangan pembinaan terminal lapangan terbang tambang murah (LCCT) baru, KLIA-East di Labu, Negeri Sembilan dan mahukan pihak terbabit supaya kembali merujuk kepada Pelan Induk Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

"Kami tidak menyokong program pembinaan LCCT Labu. Pelan Induk Pembangunan Lapangan Terbang seharusnya menjadi panduan dan rujukan mengenai apa yang harus dibina demi untuk pembangunan negara," katanya mengenai Kajian Tahunan Khazanah 2009 kali kelima di Kuala Lumpur semalam.

Beliau berkata, satu pertiga daripada 10,000 hektar diperuntukkan dalam pelan terbabit dibangunkan dan banyak sumber digunakan di dalam projek berkenaan. "Sektor penerbangan memerlukan kesepaduan dari segi hab, rangkaian dan penyambungan, justeru, pembinaan banyak lapangan terbang pasti akan menyukarkan perkara itu.

"Ini bukan hanya isu Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHB) tetapi ia adalah isu nasional, justeru, kita perlu jadikan pelan induk itu sebagai panduan. "Bagi manfaat dan kepentingan negara, AirAsia dan MAHB harus berbincang dan menyelesaikan isu ini," katanya.

Azman menambah, sebagai pemegang saham dalam MAHB, pihaknya mahu selalu menekankan pentingnya peranan Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia kepada industri penerbangan negara. Khazanah memiliki 72.74 peratus pegangan dalam MAHB, namun sayap pelaburan kerajaan itu tidak memiliki sebarang pegangan dalam AirAsia dan Sime Darby Bhd.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai isu berhubung cadangan projek pembinaan dan pengurusan LCCT baru yang tercetus antara AirAsia dan Sime Darby dengan pengendali lapangan terbang KLIA, MAHB.

Baru-baru ini, Kabinet meluluskan cadangan pembinaan LCCT yang baru di Labu, Negeri Sembilan kepada konglomerat Sime Darby membina lapangan terbang yang dianggarkan bernilai RM1.6 bilion dengan syarat ia dibuat menerusi inisiatif pelaburan swasta tanpa menggunakan dana kerajaan.

Perkara jelas memberi tamparan kepada MAHB yang mengendalikan semua lapangan terbang di negara ini, kecuali Lapangan Terbang Senai, Johor. AirAsia sebelum ini mendakwa MAHB gagal memenuhi keperluan syarikat penerbangan tambang murah terbesar Asia dan dilihat sebagai kekangan baginya untuk mengembang operasi.

AirAsia baru-baru ini mahukan semua pihak memberinya peluang untuk bersaing lebih hebat dengan Singapura yang didakwa mencuri peluang daripada ketidakcekapan negara mengendalikan industri berkenaan.

Difahamkan AirAsia kini sudah berjaya mengatasi kedudukan Singapura sebagai hab penerbangan tambang murah kerana memiliki kapasiti penumpang sebanyak 12 juta berbanding dua juta oleh pesaingnya. AirAsia berkata, pihaknya amat memerlukan LCCT sendiri yang berupaya menyediakan kemudahan yang jauh lebih baik kepada syarikat dan penumpang memandangkan terminal sedia ada yang dikendalikan MAHB tidak mampu memenuhi pertumbuhan pesat syarikat penerbangan tambang murah terbabit.

20 Januari 2009 (Selasa)

Enam cadangan penambahbaikan KIK dibentang ke Kabinet

JOHOR BAHRU: Enam cadangan penambahbaikan dan pengubahsuaian di Kompleks Kastam dan Kuarantin (KIK) Bangunan Sultan Iskandar akan dilanjutkan ke Kabinet dalam tempoh terdekat, bagi mengatasi pelbagai masalah berbangkit sejak kemudahan itu beroperasi 16 Januari lalu. Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad, berkata enam cadangan berkenaan menyentuh pelbagai aspek menjadikan KIK mesra pengguna dan sebagai pelengkap bandar raya ini. "KIK perlu menjadi satu kemudahan awam canggih yang dapat melengkapi bandar raya ini dan bukan hanya kemudahan kepada pelancong yang masuk dan keluar dari Singapura," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat KIK terbabit bersama beberapa wakil agensi kerajaan berkaitan, termasuk Kementerian Kerjaraya, ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan beberapa Ahli Parlimen bagi mengenal pasti masalah dan langkah menanganinya. Shahrir yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata cadangan pertama

membabitkan keperluan menyediakan kemudahan kaunter kastam dan imigresen di KIK lama, iaitu di Tambak Johor khas bagi pejalan kaki. Katanya, cadangan kedua menumpu kepada penyediaan perkhidmatan kaunter kastam dan imigresen di Johor Bahru Sentral bagi memudahkan pejalan kaki yang ketika ini perlu mengikuti laluan jauh untuk ke kaunter berkenaan di KIK.

"Ketiga, kita akan mencadangkan laluan pintu masuk di depan KIK, yang hanya boleh digunakan kenderaan persendirian dan bas keluar masuk ke Singapura ketika ini, turut digunakan bas perkhidmatan bandar raya." Cadangan keempat, memanfaatkan ruang laluan jalan antara Johor Bahru Sentral dengan KIK iaitu tempat menunggu pengangkutan awam serta kenderaan persendirian, tanpa menjejaskan laluan hubungan dengan City Square dan Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar)," katanya.

Shahrir berkata, cadangan kelima adalah untuk memudahkan aliran trafik ke negara ini dan keenam, membabitkan perniagaan di Johor Bahru Sentral, iaitu membuka peluang kepada peniaga sekitar bandar raya berniaga di bangunan kerajaan itu.

21 Januari 2009 (Rabu)

Timur: RM5.2j naik taraf tasik Chini

Irwan Shafrizan Ismail irwansha@bharian.com.my



PELANCONG tempatan menyusuri Tasik Chini yang dipenuhi pokok bunga teratai.

Lembaga Pembangunan Tioman kembalikan populariti tasik legenda

KUANTAN: Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) menerima peruntukan kira-kira RM5.2 juta untuk menaik taraf pelbagai kemudahan di Tasik Chini, sekali gus mengembalikan semula populariti tasik legenda itu. Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Chini, Datuk Abu Bakar Harun, berkata sebanyak RM2.2 juta diperuntukkan Jabatan Laut untuk membina jeti bagi kegunaan pelancong. Beliau berkata, RM3 juta lagi disediakan kerajaan negeri bagi membina 12 chalet baru, kompleks pelancongan dan kemudahan asas untuk kemudahan serta penyelesaian pengunjung ketika bercuti di Tasik Chini. Katanya, pembinaan jeti dijangka siap tahun depan manakala kerja pemulihan dan penambakan pelbagai kemudahan itu akan siap November depan.

"Kompleks pembangunan dan chalet di Tasik Chini kini ditutup untuk kerja menaik taraf oleh TDA dan pelancong yang ingin ke Tasik Chini boleh menginap di Homestay Kampung Baru Salong. "Saya yakin kedatangan pelancong akan meningkat sehingga 30 peratus selepas kerja menambah baik siap walaupun diakui ketika ini kehadiran mereka berkurangan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam. Tasik Chini adalah tasik semula jadi kedua terbesar di negeri ini dan terkenal dengan cerita legenda termasuk mitos kewujudan naga selain menyimpan bermacam rahsia dan sejarah sejak dulu lagi. Namun, ia kini seolah-olah kian terpinggir dan gagal menjadi antara destinasi pelancongan popular di negeri ini.

Abu Bakar berkata, kebanyakan pengunjung ke Tasik Chini mengeluh mengenai keadaan chalet dan kemudahan infrastruktur yang tidak selesa sehingga mencatitkan pemandangan serta membantutkan hasrat untuk tinggal lebih lama. "Promosi akan kembali giat dilakukan bagi menaikkan semula nama Tasik Chini serta menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara setanding tasik lain di negara ini. "Malah pihak pengurusan Tasik Chini juga giat mengawal serta menghapuskan kehadiran lumut dikenali sebagai ekor kucing yang banyak mengancam spesies pokok bunga teratai di tasik berkenaan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan Kesihatan negeri, Datuk Hoh Khai Mun, berkata kerajaan negeri memohon peruntukan sebanyak RM4 juta daripada Pusat untuk menangani masalah pencemaran di Tasik Chini. "Bagaimanapun, pencemaran di tasik terbabit adalah terkawal dan tidak serius kerana kegiatan pembalakan dan perlombongan haram di kawasan itu sudah dihentikan," katanya.

21 Januari 2009 (Rabu)

Sentral: 2,000 bantah projek DBKL

Oleh Umi Nadirah Abdul Rahman bhnews@bharian.com.my

Penduduk protes maju tanah di lot 9714, Jinjang Selatan Tambahan

KUALA LUMPUR: Cadangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membangunkan tanah di lot 9714, Jinjang Selatan Tambahan di sini, mendapat bantahan kira-kira 2,000 penduduk di situ yang enggan melihat kawasan mereka dibangunkan sesuka hati. Penduduk juga menuntut DBKL menyerahkan geran rumah bagi menyelesaikan isu hak milik kediaman membabitkan kira-kira 525 lot di kawasan terbabit yang sebelum ini hanya diberikan lesen menduduki sementara sejak 40 tahun lalu.

Setiausaha Persatuan Penduduk Kampung Jinjang Selatan Tambahan, SP Karuppiyah, berkata penduduk kampung tidak menolak pembangunan di kawasan mereka, namun tidak bersetuju sekiranya hak mereka dirampas tanpa memikirkan kesan terhadap penduduk. "Kami bukan membantah tanpa sebab, tetapi cadangan membangunkan tempat ini dirasakan tidak sesuai, kami sudah mendiami kawasan ini selama tiga generasi dan tiba-tiba DBKL ingin menjadikan

tempat ini sebagai pusat komersial. “Mereka memberi alasan yang kawasan perkampungan kami tidak sesuai lagi kerana sudah lama dan justeru cadangan mendirikan kompleks beli-belah serta rumah kedai di sini tentu sekali tidak adil kerana perkampungan ini mempunyai nilainya tersendiri. “Apa yang menambah lagi kekesalan dan kekecewaan kami adalah kami tidak mempunyai geran rumah walaupun sudah memohon lebih 15 kali sejak tahun 2003,” katanya ketika ditemui pada mesyuarat membantah pembangunan semula lot 9714 di sini, baru-baru ini.

Karupiah berkata, penduduk memerlukan geran berkenaan untuk memastikan hak mereka dijamin dan pembangunan tidak dijalankan dengan sewenang-wenangnya apatah lagi perkampungan itu bukan kawasan setinggan. Katanya, sebelum ini kira-kira 500 penduduk kampung sudah membuat bantahan kepada DBKL terhadap Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBKL 2020) berhubung pembangunan di perkampungan mereka sebelum menerima lawatan daripada panel DPBKL 2020. “Bagaimanapun, sejak lawatan berkenaan diadakan di perkampungan kami, penduduk masih belum menerima sebarang maklum balas hasil lawatan itu,” katanya.

Sementara itu, penasihat persatuan terbabit, A Ponnampalan, 63, ketika ditemui, berkata buat masa ini sebanyak 17 lot rumah di perkampungan itu dikhuatiri terjejas dengan cadangan berkenaan apabila DBKL berhasrat membina jalan bagi laluan dalam kawasan mereka. “Ini sesuatu yang merumitkan di mana 17 keluarga ini diperlukan berpindah ke flet yang belum ditentukan di mana dan bila, serta hanya akan diberikan pampasan sebanyak RM1,000 sekeluarga. “Kami berharap DBKL membuat pertimbangan wajar dalam mengatasi masalah ini supaya ia tidak merumitkan lagi keadaan serta membebankan penduduk,” katanya.

21 Januari 2009 (Rabu)

PAAB jangka belanja RM50b urus aset air

Oleh Johari Ibrahim, Saufi Hamzah dan Ahmad Fiesal Othman bhbiz@bharian.com.my

Syarikat sasar pengambilalihan lengkap di tiga lagi negeri

PENGURUSAN Aset Air Bhd (PAAB), syarikat kerajaan di bawah Kementerian Kewangan Diperbadankan, menjangka membelanjakan RM50 bilion dalam tempoh 30 tahun akan datang bagi menguruskan aset air di semua negeri di Semenanjung. Ketua Kewangannya, Kevin Lee, berkata jumlah itu bagaimanapun tidak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan yang turut di bawah tanggungjawab syarikat itu yang diberikan mandat untuk menjadi pemilik aset air negara di bawah Inisiatif Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Kebangsaan (NWSIRI). Beliau berkata, PAAB setakat ini telah mengambil alih aset air bernilai kira-kira RM2.1 bilion di dua negeri iaitu Melaka dan Negeri Sembilan.

"Kami mensasarkan melengkapkan pengambilalihan dengan tiga lagi negeri iaitu Johor, Pahang dan Kelantan tahun ini," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan dokumen perjanjian bagi Penstrukturan Semula Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Sembilan di Putrajaya, semalam. Majlis itu disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Turut hadir Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi Datuk Joseph Salang Gandum dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Negeri Sembilan adalah negeri kedua selepas Melaka memeterai perjanjian penstrukturan semula bekalan air dengan PAAB. Menerusi perjanjian itu, PAAB akan mengambil alih daripada kerajaan Negeri Sembilan semua aset berkaitan air negeri itu seperti loji rawatan air, rangkaian paip dan telaga simpanan air yang dinilai sebanyak RM1.21 bilion. Sebagai pembayaran kepada aset terbabit, PAAB akan mengambil alih pinjaman aset air negeri itu kepada kerajaan Persekutuan pada nilai yang sama. Seajar dengan NWSIRI, Negeri Sembilan akan mengekalkan haknya untuk mengurus perkhidmatan air untuk negeri itu. Bagaimanapun, selepas penjualan aset air itu, Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) yang akan menjadi pengendali pembekalan air di negeri itu akan memajak aset air daripada PAAB untuk tempoh 45 tahun. Kadar sewa pajakan tahunannya ialah RM36 juta, tetapi tertakluk kepada pembaharuan pada setiap tiga tahun.

Lee berkata, di bawah NWSIRI, PAAB bertanggungjawab untuk mengambil alih prasarana air semua negeri di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan, sekali gus menjadikan pengendali pembekalan air setiap negeri kepada entiti yang hanya menyediakan perkhidmatan. Beliau berkata, langkah itu bagi membolehkan pengendali pembekalan air menumpu sepenuhnya kepada menyediakan perkhidmatan rawatan dan pembekalan air supaya mereka boleh mencapai kecekapan operasi, seterusnya memberi faedah kepada rakyat. "PAAB juga akan mengambil alih tanggungjawab untuk membangunkan prasarana air yang baru di negeri terbabit," katanya.

21 Januari 2009 (Rabu)

Rencana - Sumber asli, alam sekitar harta masa depan

Oleh Dr Ibrahim Komoo



PEMBALAKAN tidak terkawal menjejaskanimbangan alam yang merupakan harta masa depan negara.

Pembangunan ekonomi lestari bantu kesejahteraan sosial, perpaduan rakyat pelbagai kaum

SEJAK mencapai kemerdekaan, ekonomi negara berkembang pesat melalui perubahan asas ekonomi daripada perlombongan dan pertanian kepada sektor industri dan perkhidmatan. Perubahan ini antaranya dipandu oleh rancangan pembangunan lima tahun dipelopori Unit Perancang Ekonomi. Pada prinsipnya, model pembangunan digunakan ialah pertumbuhan ekonomi yang dapat memacu kekayaan negara dan perubahan sosioekonomi masyarakat.

Apakah masyarakat Malaysia boleh berbangga dengan pencapaian negara sehingga kini? Tentunya banyak kejayaan sudah dicapai, terutama negara kini berjaya mempelbagaikan asas ekonomi, meningkatkan hieraki warga daripada kebanyakannya golongan rendah kepada pertengahan, tahap pendidikan dan kesihatan masyarakat yang semakin baik dan Malaysia kini dihormati masyarakat serantau dan global.

Kejayaan ini juga membawa beberapa isu sosial dan alam sekitar yang sangat membimbangkan. Antaranya ialah peningkatan warga yang bersifat material dan mementingkan diri sendiri, pengangguran dan kemiskinan masyarakat terpinggir, perpaduan pelbagai kaum semakin terjejas, kemasukan pendatang tanpa izin yang tinggi dan membawa bersamanya masalah keselamatan dalam negeri, keruntuhan moral remaja dan degradasi sumber asli serta pencemaran alam sekitar yang sangat meruncing.

Bolehkah negara berterusan mengamalkan pembangunan berasaskan model pertumbuhan ekonomi sedia ada dan mengharapkan keutuhan sistem sosial dan alam sekitarnya terpelihara untuk generasi akan datang atau ringkasnya, apakah pembangunan negara bersifat lestari? Melihat kepada aliran pembangunan semasa dan peningkatan isu sosial dan alam sekitar yang semakin serius – kita tidak mempunyai pilihan.

Kita perlu mengubah set minda kepimpinan negara daripada model pembangunan ekonomi kepada 'pembangunan lestari'. Beberapa isu rentas sektor penting yang saling berkait dan perlu diberikan perhatian ialah keselamatan dan kesejahteraan sosial; alam sekitar lestari; ekonomi lestari; masyarakat dan budaya Malaysia; komuniti masa depan dan negara global.

Malaysia perlu memberikan keutamaan mengenai isu keselamatan dan kesejahteraan sosial. Ini adalah asas pengukuhan politik, pertumbuhan ekonomi lestari dan ramuan untuk meningkatkan perpaduan kaum. Aspek kewarganegaraan dan keadilan sosial, sempadan negara berdaulat dan pendatang tanpa izin, jenayah, keselamatan makanan, keselamatan tenaga, rasuah, kebajikan masyarakat terpinggir, pendidikan dan kemudahan awam adalah isu pokok yang perlu diberi perhatian serius melampaui keperluan ekonomi dan politik.

Satu pendekatan baru yang terintegrasi diperlukan dan perancangan perlu mengambil kira tahap pencapaian untuk pelbagai tempoh – tahunan, setiapi lima tahun dan 10, 50 serta 100

tahun. Keupayaan masyarakat dan komuniti masa depan untuk terus hidup bergantung kepada sumber asli dan alam sekitarnya. Alam sekitar memberikan perkhidmatan percuma tanpa kita sedari udara bersih untuk bernafas, air bersih untuk minuman dan tanah subur untuk keselamatan makanan.

Apabila udara dan sungai tercemar serta tanah yang subur dibangunkan untuk kawasan perumahan – apa yang tinggal untuk alam sekitar memberikan perkhidmatannya? Sekali sumber asli hilang atau musnah, kita tidak akan dapat mencari gantinya lagi. Tiada untuk ditinggalkan kepada generasi akan datang.

Negara perlu melihat sumber asli dan alam sekitar sebagai 'prasyarat kehidupan', ia tidak boleh dilihat daripada perspektif nilai ekonomi yang boleh di jual-beli semata-mata. Setiap komponen alam sekitar atau ekosistem mempunyai nilai 'keupayaan tampungan' – selagi ia digunakan dan diurus pada tahap keupayaannya – alam sekitar akan terus memberikan perkhidmatan secara percuma.

Sebaliknya, apabila keupayaan tampungan dilampaui – ia akan terus musnah dan sangat sukar untuk dikembalikan kepada keadaan asal atau ekosistem yang sihat. Pengurusan sumber asli dan alam sekitar lestari memerlukan pendekatan perancangan guna tanah yang jelas dengan menggunakan konsep sedia ada seperti kawasan sensitif alam sekitar dan pemuliharaan sumber asli, dan pendekatan baru yang lebih inovatif seperti pengurusan ekosistem dan lembangan secara bersepadu.

Senjata paling penting untuk menjamin kelestarian negara ialah pertumbuhan ekonominya. Bagaimanapun, pembangunan ekonomi tanpa kawalan boleh memusnahkan unsur asas kehidupan iaitu masyarakat dan alam sekitarnya. Pembangunan ekonomi lestari ialah konsep pertumbuhan ekonomi terkawal, iaitu pembangunan yang memberikan perhatian seimbang antara pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kesihatan alam sekitar.

Walaupun dasar dan perancangan pembangunan memberi perhatian kepada kepentingan pembangunan yang seimbang ini, hakikatnya pelaksanaan oleh pelbagai pihak masih memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan meraih kekayaan saja. Sebagai contoh, apabila dasar pembinaan perumahan dilaksanakan untuk membolehkan semua warga memiliki rumah untuk perlindungan keluarga, pelaksanaan memberikan tumpuan kepada perumahan kepada mereka yang sanggup dan berpeluang membeli.

Hasilnya, rumah dilihat sebagai hartanah yang dijual beli untuk meraih keuntungan. Beberapa contoh yang sama menunjukkan, keperluan asas warga menjadikan produk perniagaan untuk menjana keuntungan. Masyarakat dan budaya Malaysia adalah isu perpaduan bangsa Malaysia dengan aspirasi masa depan sama yang sangat kritikal.

Struktur warga Malaysia yang majmuk dengan kewujudan komuniti pribumi atau Bumiputera sebagai teras warganya memerlukan strategi pembinaan negara bangsa secara jangka panjang yang berinovatif, bebas daripada pengaruh politik perkauman yang sempit. Ketegasan untuk membangun sebuah negara bangsa bermaruah, membina budaya dan tamadun tersendiri serta mempunyai semangat kecintaan kepada negara yang sangat tinggi, perlu dijadikan sasaran utama dalam dasar pembangunan.

Isu berkaitan keadilan dan kebajikan sosial, hak asasi manusia, agihan kekayaan, masyarakat terpinggir, menghormati kepelbagaian dan prihatin kesihatan perlu diberikan tumpuan berterusan bagi membina kepercayaan dan taat setia seluruh warga Malaysia kepada negaranya.

Kita sering berdebat dan berbalah mengenai keperluan asas masyarakat dan warga Malaysia untuk masa ini, bagaimana pula dengan keperluan generasi akan datang? Ini adalah isu tanggungjawab sosial yang penting untuk memastikan pembangunan lestari dan keterusan budaya dan tamadun dapat diwarisi generasi akan datang.

Golongan paling penting ialah kanak-kanak. Mereka adalah pewaris kepada apa yang sedang dibina sekarang dan perlu berdepan dengan cabaran masa akan datang. Tafsiran atau senario dunia masa depan – 50 atau 100 tahun akan datang – sangat penting untuk kita merancang, membina strategi dan menyediakan program pendidikan untuk golongan kanak-kanak.

Selain isu pembangunan golongan muda, isu kebajikan dan keperluan asas warga tua akan menjadi bertambah kritikal. Apakah negara sudah membuat persediaan untuk berdepan cabaran begini? Untuk terus berfikiran ke hadapan, institusi pemikir senario masa depan perlu diwujudkan dan ia pastinya akan dapat membantu masyarakat dan kerajaan merancang keperluan masa depan.

Keperluan merancang masa depan yang paling ketara ialah arus globalisasi. Aliran serta impaknya kepada seluruh dunia, terutama negara kecil yang kurang berpengaruh mampu dinilai dengan jelas. Globalisasi dalam beberapa dekad terakhir ini menyaksikan keruntuhan sempadan negara bangsa, budaya dunia yang terjelma daripada limpahan budaya negara besar yang sangat berpengaruh, dan kebergantungan kebanyakan negara kecil kepada kuasa ekonomi serta ketenteraan kepada negara besar yang berkuasa.

Globalisasi bukan saja membawa bersamanya impak negatif, malah mempunyai nilai positif yang memberi pelbagai peluang kepada negara seperti Malaysia. Jika Malaysia berfikir dalam konteks menjadi sebuah negara global yang menjadi pusat seni, sains dan teknologi bagi rantau Asia Tenggara atau Asia Pasifik umpamanya – kita dapat melihat keperluan untuk membina strategi dan pendekatan perancangan masa yang sangat berbeza.

Budaya Melayu melampaui budaya Malaysia dan akan menjadi budaya Nusantara yang perlu dihormati seluruh bangsa dunia. Kreativiti berasaskan budaya timur dan rantau tropika dalam bidang sains dan teknologi umpamanya, boleh muncul dan memberikan kepemimpinan baru untuk model pembangunan dunia yang prihatin warga, alam sekitar dan hubungan kepelbagaian komuniti.

Malaysia mempunyai ramuan yang cukup untuk menerajui dunia ke arah pembangunan lestari. Apakah kita mempunyai kekuatan politik dan sokongan padu masyarakat untuk melaksanakannya? Perubahan kepemimpinan negara yang bakal berlaku beberapa bulan lagi menjadi harapan kepada masyarakat Malaysia melihat perubahan yang diidamkan ini.

Profesor Datuk Dr Ibrahim Komoo ialah Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari), Universiti Kebangsaan Malaysia

21 Januari 2009 (Rabu)

Unit khas pantau pakej rangsangan

Oleh Johari Ibrahim, Saufi Hamzah dan Ahmad Fiesal Othman bhnews@bharian.com.my

PMU pastikan program, projek dilaksana: TPM

PUTRAJAYA: Kerajaan menubuhkan Unit Pengurusan Projek (PMU), yang diberi tanggung jawab memastikan semua projek yang dirangka di bawah pakej rangsangan ekonomi dapat dilaksanakan secara berkesan dan dalam tempoh ditetapkan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata PMU yang diletakkan di bawah Kementerian Kewangan itu antara lain akan memastikan pelaksanaan semua program dan projek yang diumumkan di bawah pakej rangsangan ekonomi dapat dilaksanakan segera. Katanya, PMU juga akan memantau dan menyelaras pelaksanaan semua program dan projek supaya berjalan lancar dan mengadakan mesyuarat dengan pihak pelaksana secara berkala bagi mengatasi sebarang masalah yang mungkin timbul.

"Ia juga akan bertanggungjawab melaporkan kemajuan pelaksanaan program dan projek serta isu, selain cadangan penyelesaian kepada pihak yang berkaitan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan melantik bekas Naib Presiden Kanan, Bahagian Infrastruktur Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Datuk Ir Mohamad Othman Zainal Azim sebagai Ketua PMU itu. Katanya, beliau mengambil sedikit masa bagi melakukan pelantikan ini semata-mata untuk mencari calon yang paling sesuai bagi memastikan pelaksanaan inisiatif berkenaan mampu mencapai matlamat yang disasarkan.

Mohamad Othman mempunyai pengalaman dan kepakaran meluas dalam aspek perancangan dan pengurusan projek selama lebih kurang 30 tahun dan pernah bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings Sdn Bhd serta Jabatan Kerja Raya (JKR). Katanya, PMU akan menerajui inisiatif terbabit dengan kerjasama Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan serta berharap semua kementerian dan agensi memberi kerjasama penuh bagi menjamin keberkesanan langkah kerajaan menangani impak krisis ekonomi.

Sementara itu, pada sidang media selepas menyaksikan majlis penyerahan dokumen perjanjian bagi penstrukturan semula bekalan air Negeri Sembilan di sini, Najib mengumumkan kerajaan akan melancarkan pakej rangsangan ekonomi kedua dalam tempoh beberapa bulan lagi.

Beliau berkata, butiran terperinci pakej itu yang bertujuan mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara, sedang dibincangkan dengan pelbagai pihak bagi memastikan ia mampu memberi manfaat yang maksimum. Katanya, pakej rangsangan kedua itu juga akan menyaksikan perbezaan daripada segi fokus dan kajian terhadap aspek keperluan birokrasi untuk membolehkan agensi dan kementerian melaksanakan projek dengan lebih pantas. "Pakej rangsangan kedua ini akan turut membabitkan bantuan kepada syarikat dan pekerja yang terjejas akibat daripada kemelut ekonomi. "Langkah awal sudah kita ambil, iaitu berkaitan penjualan tanah kepada EPF (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja – KWSP) di Kuala Lumpur untuk dimajukan," katanya.

21 Januari 2009 (Rabu)

Ketua jabatan akan terima padah

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap ketua jabatan dan agensi kerajaan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka untuk memastikan semua kakitangannya bebas daripada kegiatan skim cepat kaya.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam, berkata tindakan tegas itu seiring Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 yang melarang kakitangan awam terbabit dalam skim cepat kaya yang dikeluarkan dan berkuat kuasa seminggu lalu.

"Kini tanggungjawab terletak pada ketua jabatan dan agensi kerajaan untuk sentiasa memantau perkembangan di pejabat masing-masing, jika tidak tindakan setimpal akan dikenakan terutama jika masih ada kakitangan awam yang terbabit dalam kegiatan skim cepat kaya berhadapan masalah hingga menjejaskan kerja.

"Tindakan terhadap ketua jabatan akan dilaksanakan mengikut tahap kesalahan yang dilakukan bagi membuktikan bahawa kerajaan serius dalam hal ini kerana jika dibiarkan berlarutan ia boleh memburukkan imej kerajaan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Minggu lalu, kerajaan melarang pembabitan kakitangan awam dalam skim cepat kaya, sama ada sebagai penganjur, pengantara atau pelabur selepas mendapati kegiatan itu menjejaskan imej perkhidmatan awam.

Larangan itu menyebut semua kakitangan awam dikehendaki menghentikan pembabitan serta-merta dan mereka yang dikesan terbabit dalam kegiatan itu akan dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau peraturan lain yang berkuat kuasa.

Ismail berkata, setakat ini belum ada ketua jabatan atau kakitangan awam yang dikenakan tindakan kerana terbabit dalam kegiatan skim cepat kaya, bagaimanapun ia tidak bermakna kerajaan tidak menjalankan pemeriksaan.

21 Januari 2009 (Rabu)

Negara kekurangan bekalan ikan

ALOR STAR: Negara dijangka berdepan krisis bekalan ikan yang serius berikutan kemerosotan ketara hasil pendaratan ikan selain permintaan tinggi tangkapan hasil laut itu daripada pengusaha restoran, sejak kebelakangan ini. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Samad, berkata masalah kekurangan bekalan itu dijangka lebih ketara ketika musim perayaan Tahun Baru Cina, minggu depan. Katanya, krisis bekalan ikan yang ketara di pasaran tempatan menyebabkan negara terpaksa bergantung kepada bekalan sejuk beku yang diimport dari luar negara.

Beliau berkata, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) perlu melakukan siasatan terperinci bagi mengenalpasti punca kemerosotan hasil tangkapan ikan terutama di kawasan pantai barat Semenanjung. "LKIM perlu mengambil tindakan dan menyiasat punca sebenar kemerosotan hasil pendaratan ikan kerana kerajaan sudah banyak membantu nelayan dengan memberi pelbagai imbuhan termasuk subsidi diesel pada kadar RM1.20 sen seliter, insentif pendaratan ikan sebanyak 10 sen sekilogram dan elaun kepada pekerja.

"Dulu mereka (nelayan) merungut hendak boikot dan protes tidak mahu turun ke laut jika kerajaan tidak dapat memenuhi tuntutan mereka untuk memberi subsidi diesel dari kadar RM1.43 sen seliter kepada RM1.30, kemudian mereka minta turun lagi kepada RM1.20... kerajaan bagi, tapi nampaknya tidak ada hasil," katanya pada sidang media selepas melakukan pemantauan skim kawalan harga musim perayaan Tahun Baru Cina di Pasar Besar Alor Star di sini, semalam. Difahamkan tahun lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merekodkan hasil tangkapan laut sepanjang 2007 menurun sebanyak 15 peratus.

Penurunan hasil tangkapan ikan itu, sekali gus menimbulkan keraguan kerana penggunaan diesel subsidi nelayan terus meningkat. Justeru, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang ketika itu

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani mengusulkan cadangan untuk mengkaji keberkesanan pemberian diesel subsidi kepada nelayan.

Sementara itu, Shahrir ketika ditanya mengenai penyelesaian berhubung masalah bekalan ikan berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu mengambil tindakan drastik dengan menilai semula ke-lemahan dan struktur dalam industri perikanan, termasuk menilai sistem tangkapan yang dipraktikkan. "Saya hanya boleh memberi maklum balas kesan daripada cadangan (sistem) yang sudah dibuat. Memang kita boleh mengatasi krisis bekalan ini dengan mengimport barangan dari luar negara, tetapi sampai bila kita harus bergantung kepada bekalan import yang kurang kualitasnya," katanya.

Terdahulu, Shahrir berkata, pemantauan KPDNHEP mendapati harga ayam dan daging tempatan yang dijual di pasar dan pasar raya besar di seluruh negara mengalami penurunan. Beliau berkata, ada antara peniaga menjual daging tempatan pada kadar di bawah harga kawalan seperti RM18 sekilogram berbanding harga kawalan RM19. Sementara itu, harga runcit petrol dan diesel tidak akan diturunkan dalam tempoh terdekat berikutan pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada dua minggu pertama bulan ini mendapati harga minyak mentah dunia kekal pada paras AS\$42 atau AS\$43 setong.

Shahrir, berkata kerajaan tidak bercadang menurunkan harga bahan api itu sekali lagi kerana aliran paras harga minyak mentah dunia belum menunjukkan tanda-tanda ke bawah AS\$40 setong. "Kerajaan sentiasa memantau pasaran harga minyak mentah dunia setiap dua minggu. Justeru, bagi dua minggu pertama bulan ini iaitu sehingga 15 Januari lalu, kita mendapati harga bahan api kekal di paras AS\$42 hingga AS\$43 setong. "Selagi belum lagi di bawah harga purata AS\$40 setong, bermakna tidak akan ada penurunan lagi dalam jangka waktu ini," katanya.

22 Januari 2009 (Khamis)

Sentral: Nelayan diminta kemas kini kad

Oleh Saufi Hamzah sofeeham@bharian.com.my

SEPANG: Ahli persatuan nelayan di Selangor diminta mengemas kini kad nelayan, lesen bot, kad e-petrol dan kad e-diesel bagi mengelak masalah pembayaran Skim Saraan Nelayan atau e-saraan sebanyak RM200 sebulan. Timbalan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Selangor, Ramli Mohd Ali, berkata masalah pembayaran akan menghadapi masalah walaupun hanya satu daripada dokumen berkenaan tidak dikemas kini. Katanya masalah itu adalah antara punca sesetengah nelayan mendapati bayaran tidak dikredit ke dalam akaun masing-masing.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Berita Harian pada majlis penerangan berkaitan e-saraan bersama ahli Persatuan Nelayan Kawasan Sepang di Kompleks Agrotourism, Kampung Bagan Lalang, di sini, baru-baru ini. Hadir sama, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah persatuan nelayan itu, Jaafar Kassim. Kira-kira 80 ahli persatuan nelayan itu hadir pada majlis berkenaan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memutuskan pemberian Skim Saraan Nelayan sebanyak RM200 sebulan yang dilancarkan pada Jun tahun lalu bertujuan meringankan beban nelayan, sekali gus membolehkan mereka menampung perbelanjaan harian.

Ramli berkata, pembayaran skim saraan itu dilakukan menerusi akaun Agro Bank, CIMB dan Bank Simpanan Nasional (BSN) milik nelayan. Ditanya mengenai aduan sesetengah nelayan yang tidak menerima pembayaran skim itu, beliau berkata, ia juga mungkin berpunca daripada masalah teknikal ketika memasukkan maklumat nombor akaun ke dalam sistem e-saraan berkenaan. "Ada nelayan mengadu tidak menerima bayaran dan ada yang mendakwa menerima bayaran tidak penuh. "Justeru, LKIM berharap dapat mengatasi masalah itu segera dan meminta nelayan memaklumkan kepada lembaga jika tidak mendapat bayaran," katanya.

Beliau berkata, mulai sekarang, LKIM mengambil pendekatan turun padang untuk menyelesaikan masalah pembayaran itu membabitkan persatuan nelayan kawasan di Sungai Besar, Kuala Selangor, Pelabuhan Klang, Kuala Langat dan Sepang.

"Sepang adalah persatuan nelayan ketiga yang dikunjungi LKIM selepas Pelabuhan Klang dan Sungai Besar. "Kita mahu mengelakkan nelayan berpusu-pusu datang ke pejabat LKIM di Shah Alam, jadi kita turun padang untuk memberi penjelasan mengenai sebarang masalah yang timbul berkaitan skim saraan itu," katanya.

22 Januari 2009 (Khamis)

Sabah & Sarawak: PBT diminta pantau ancaman tanah runtuh

Oleh Kanda Sidi kandausidi@bharian.com.my

MIRI: Pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Sarawak diminta memantau semua kawasan yang berisiko diancam kejadian tanah runtuh, terutama ketika keadaan cuaca tidak menentu serta kerap hujan seperti sekarang. Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, berkata langkah itu perlu bagi mengelak tragedi tanah runtuh yang mengorbankan dua nyawa di Bukit Kanada di sini baru-baru ini, daripada berulang. Beliau berkata, penduduk terbabit seharusnya diberikan maklumat mengenai keadaan tanah di sekeliling kediaman mereka.

"Ia perlu untuk memudahkan penduduk berkenaan segera pindah jika keadaan tanah menjadi kurang stabil dan runtuh. Tragedi seperti ini sebenarnya boleh dielakkan, kalau kita mengesannya lebih awal," katanya pada sidang media di pejabat Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) di sini, semalam.

Hujan lebat dan cuaca tidak menentu sejak beberapa minggu lalu mengakibatkan banjir dan beberapa kejadian tanah runtuh termasuk di sepanjang jalan raya Trans Borneo.

Dr Chan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bantuan Bencana Alam Sarawak berkata, penduduk di negeri ini berhak mendapat maklumat terkini mengenai keadaan hakisan tanah di persekitaran mereka. Beliau berkata, mereka yang menetap di kawasan berhampiran tanah tinggi perlu dimaklumkan mengenai petunjuk awal hakisan tanah sebagai persediaan menghadapi sebarang kecelakaan akibat bencana alam seperti tanah runtuh dan aliran tanah.

"Walaupun cuaca kembali normal, kelembapan dalam tanah yang terkandung ketika hujan khususnya di kawasan lereng bukit masih boleh mengakibatkan struktur tanah lemah seterusnya menyebabkan tanah runtuh. "Situasi seperti inilah perlu kita maklumkan kepada penduduk supaya mereka tahu dan bersedia," katanya.

Mengenai banjir, beliau yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian mengarahkan Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) merangka pelan pengairan yang efektif untuk mengurangkan takungan air ketika hujan lebat atau air pasang besar. "Sistem pengairan yang berkesan mampu menampung perubahan fizikal jumlah air yang meningkat secara mendadak, khususnya membabitkan kawasan bandar yang mudah diancam bencana alam," katanya.

22 Januari 2009 (Khamis)

Ekonomi - Operasi projek Bakun diambil alih

Oleh Suffian A Bakar suffian@bharian.com.my

KERAJAAN telah memberikan kelulusan kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Sarawak Energy Bhd untuk mengambilalih Projek Hidroelektrik Bakun di Sarawak. Kedua-dua syarikat itu akan mengambilalih operasi projek itu daripada Sarawak Hidro Sdn Bhd menerusi perjanjian pajakan dan akan membangunkan sistem transmisi dari Sarawak ke Semenanjung. "TNB dan Sarawak Energy ingin mengumumkan bahawa kerajaan secara prinsipnya telah memberi kelulusan kepada kami mengambilalih Projek Hidroelektrik Bakun daripada Sarawak Hidro. "Lembaga Pengarah kedua-dua syarikat sudah memutuskan untuk meneruskan projek itu dan memulakan rundingan dengan pihak berkuasa berkaitan.

"Pembinaan unit jana kuasa 8x300 Megawatt di projek itu sudah hampir siap dan mengikut cadangan ia dijangka mengeksport kira-kira 1,600 Megawatt elektrik ke Semenanjung menerusi sistem transmisi penyaluran bekalan elektrik voltan tinggi dasar laut (HVDC), manakala bakinya akan dibekalkan di Sarawak," kata TNB dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam.

Syarikat itu menjelaskan, Sarawak Hidro, iaitu sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc) akan terus melaksanakan pembangunan projek itu sehingga selesainya pemasangan unit jana kuasa berkenaan. Katanya, sebuah syarikat tujuan khas (SPV) akan ditubuhkan untuk mengambil alih operasi projek itu daripada Sarawak Hidro selepas selesainya pemasangan unit jana kuasa berkenaan menerusi perjanjian pajakan dan perjanjian komersial lain bagi penjualan elektrik ke Semenanjung dan Sarawak.

22 Januari 2009 (Khamis)

Henti ambil pekerja asing: KDN

Oleh Saufi Hamzah sofeeham@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia akan berbincang untuk menghentikan pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan dan perkhidmatan dalam keadaan negara menghadapi kemungkinan kelembapan ekonomi.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pekerja asing khususnya yang tidak ada pekerjaan dihantar pulang manakala khidmat warga asing bagi kedua-dua sektor itu wajar dihentikan. "Kita patut mula menghantar mereka (pekerja asing) pulang dan majikan jangan memintas (ingkar) keputusan kita dengan mewujudkan kontrak perkhidmatan (baru) atau menggunakan sumber luar.

"Dalam penyata pembayaran (gaji), tiada pekerja asing tetapi sebenarnya mereka mengupah pekerja asing untuk menyediakan perkhidmatan," katanya pada sidang media selepas menghadiri perhimpunan bulanan KDN di sini, semalam.

Syed Hamid diminta mengulas pemberhentian ramai pekerja asing berikutan kelembapan ekonomi yang boleh menyebabkan gejala sosial termasuk peningkatan kadar jenayah. Katanya, pengambilan pekerja asing patut dihentikan dan semua pihak tidak lagi memohon mendapatkan pekerja asing. "Kita lebih berminat menghantar mereka pulang, mereka patut dihantar pulang. Tiada lagi alasan, kita mesti sayangkan negara kita dan saya berdepan pelbagai tekanan," katanya.

Beliau juga berkata, keputusan kerajaan sebelum ini amat jelas supaya semua stesen minyak beroperasi secara layan diri tetapi masih ramai khidmat pekerja asing digunakan.